

# Komentari 7

## Sejarah Pembunuhan Parti Komunis China

### Pendahuluan

Sejarah pemerintahan Parti Komunis China (PKC) selama 55 tahun adalah ditulis dengan darah dan kebohongan, dan cerita-cerita yang di sebalik sejarah berdarah itu tidak hanya sangat tragic malah mengerikan, bahkan juga jarang diketahui oleh orang. Dan sehingga kini, setelah melakukan pembunuhan 60 hingga 80 juta rakyat China yang tidak berdosa serta diikuti dengan kehancuran keluarga yang tidak terkira lagi, orang ramai masih berfikir: Mengapakah PKC mahu membunuh? Hingga hari ini PKC masih membunuh pengamal Falun Gong, bahkan pada awal bulan November 2004 masih melepaskan tembakan menindas masyarakat umum yang sedang mengajukan protes di Hanyuan, membuat orang kembali berfikir: Apakah pada suatu hari nanti PKC dapat berhenti untuk membunuh orang, dan belajar berbicara dengan mulut, bukannya dengan senapang?

Mao Zedong ketika membuat kesimpulan terhadap Revolusi Kebudayaan mengatakan: “Melalui keadaan kacau-bilau di dunia, dapat mencapai ketenteraman dunia, selepas 7 atau 8 tahun kekacauan hendaklah diulangi lagi.” [1] Pendek kata, revolusi politik akan dilancarkan setiap 7 atau 8 tahun, dan sekelompok orang perlu dibunuh selang 7 atau 8 tahun.

PKC mempunyai landasan teori dan keperluan realiti untuk membunuh orang.

Berdasarkan teorinya, PKC menganut dan menjunjung teori “kediktatoran proletariat” dan “di bawah kediktatoran proletariat tanpa hentinya mengadakan revolusi”. Maka setelah mendirikan pemerintahan, PKC “membunuh tuan tanah” untuk menyelesaikan masalah hubungan pengeluaran di pedesaan; “membunuh kelas kapitalis” untuk mencapai tujuan rombakan dalam bidang perdagangan dan perindustrian, bagi menyelesaikan hubungan pengeluaran di bandar. Setelah kedua-dua kelas ini habis dibunuh, masalah dasar ekonomi pada asasnya sudah diselesaikan. Dengan cara yang sama juga, dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan struktur raksasa [2], juga menggunakan pembunuhan, termasuk menindas Kumpulan Anti-Parti Hu Feng [3] dan Gerakan Anti Sayap Kanan untuk melenyapkan kaum intelektual; membunuh kumpulan kepercayaan dan persatuan masyarakat untuk menyelesaikan masalah agama; melakukan pembunuhan beramai-ramai sewaktu Revolusi Kebudayaan untuk menyelesaikan masalah kuasa mutlak kepimpinan parti dalam bidang politik dan kebudayaan; membunuh orang dalam Peristiwa 4 Jun di Lapangan Tiananmen untuk menghindari daripada krisis politik dan menyelesaikan masalah tuntutan demokrasi; melakukan penindasan ke atas Falun Gong untuk menyelesaikan masalah kepercayaan dan olahraga jasmani, dan lain-lain.

Semuanya ini merupakan respon yang mesti diambil dalam proses PKC memperkuat kedudukan dan mempertahankan kekuasaannya dalam menghadapi krisis yang berpanjangan, ini termasuklah krisis ekonomi (harga-harga barangan naik mendadak sejak berkuasa, ekonomi yang nyaris hancur setelah Revolusi Kebudayaan), krisis politik (pengingkaran terhadap perintah dan perebutan kuasa politik dalam parti) dan krisis kepercayaan (keruntuhan Kesatuan Soviet dan perubahan drastik di Eropah Timur, isu Falun Gong). Kecuali isu Falun Gong, semua gerakan politik yang disebut di depan, hampir semuanya adalah untuk menyalurkan tenaga untuk roh jahat PKC dan membangkitkan semangat revolusi, dan juga sebagai upaya pembersihan dalam organisasi parti, bagi anggota parti yang tidak memenuhi kehendak dan permintaan parti akan disingkirkan.

Pada masa yang sama, PKC membunuh orang juga bertitik tolak daripada keperluan realiti. Kala itu PKC berdiri dengan menggunakan gengster dan penjahat untuk membunuh dan memperoleh kekuasaan. Sekali pembunuhan telah dimulakan, maka tidak dapat berhenti di tengah-tengah jalan, bahkan harus terus mencipta keganasan, agar rakyat terus gentar apabila berhadapan dengan lawan yang sangat kuat, maka hanya dapat menerima kenyataan dan akur.

Dilihat daripada permukaan, seringkali muncul keadaan PKC “terpaksa membunuh”, seperti suatu peristiwa dalam masyarakat berlaku dengan “kebetulan” dan secara “kebetulan” pula merangsangkan roh jahat PKC dan mencetuskan mekanisme jentera pembunuhan PKC. Pada hakikatnya, tindakan membunuh secara berkala yang tersembunyi di belakang “kebetulan” adalah suatu kemestian bagi PKC, kerana jika tidak, maka “setelah luka sembuh akan lupa rasa sakitnya”. Apabila dua tahun berlalu tanpa membunuh, orang ramai akan salah tanggap bahawa PKC sudah berubah baik, bahkan seperti pemuda idealistik dalam pergerakan demokrasi tahun 1989 yang hendak menuntut demokrasi. Melakukan pembunuhan dalam tujuh atau lapan tahun sekali akan secara berterusan memperbaharui ingatan orang ramai terhadap keganasan, juga akan memberi amaran kepada kaum muda yang baru tumbuh dewasa-- barang sesiapa yang menentang kepimpinan mutlak PKC, sesiapa yang ingin cuba mengembalikan wajah sejarah yang sebenar, maka akan merasakan “tumbukan besi daripada kediktatoran proletariat”.

Dilihat daripada segi ini, membunuh orang adalah merupakan salah satu kemestian yang paling penting yang digunakan bagi mempertahankan kekuasaan PKC. Dalam keadaan hutang darah yang semakin banyak, meletakkan pisau penyembelih adalah sama dengan menyerahkan diri pada rakyat umum untuk pengadilan dan pembalasan. Maka, PKC bukan hanya mahu melakukan pembunuhan beramai-ramai, mayat bergelimpangan di mana-mana, darah mengalir menjadi sungai, tetapi juga mahu menggunakan taktik yang sangat kejam, lebih-lebih lagi pada masa permulaan mendirikan kuasa pemerintahan, jika tidak demikian maka rakyat tidak akan gentar.

Sejak membunuh orang adalah untuk menciptakan keganasan, maka sasaran korban yang dipilih juga secara sembarangan dan tanpa rasional. Dalam setiap kempen politiknya, PKC selalu menggunakan polisi “pembunuhan kaum secara beramai-ramai”. Sebagai contoh, sewaktu “menindas kontra revolusi”, PKC bukannya menindas “perlakuan” kontra revolusi, tetapi adalah menindas “anasir” kontra revolusi. Seseorang hanya disebabkan sebelumnya pernah menjadi askar nasional (KMT) selama beberapa hari dan meskipun tidak berbuat apa-apa selepas PKC memperoleh kuasa, dia tetap harus dihukum mati, kerana dia sudah tergolong dalam “kontra revolusi dalam sejarah”. Dalam proses Reformasi Tanah, PKC bahkan menerapkan cara “membasmi hingga ke akar umbinya”, selain membunuh tuan tanah, anggota keluarganya juga dibunuh sekali.

Sejak tahun 1949, lebih daripada separuh penduduk China pernah mengalami penindasan PKC, dianggarkan 60 hingga 80 juta orang mati secara tidak normal, jumlah ini telah melampaui jumlah kematian gabungan dua kali Perang Dunia.

Menyerupai negara-negara komunis yang lain di dunia, PKC bukan hanya membunuh rakyat dengan sewenang-wenangnya, malahan melakukan pembersihan dalaman yang berdarah, taktiknya juga amat kejam sekali, salah satu daripada tujuannya adalah untuk menghapuskan anasir-anasir penentang yang mempunyai pandangan yang lain dengannya, yang “sifat manusiawinya” telah mengalahkan “sifat parti”. PKC bukan sahaja mahu menakut-nakutkan rakyat, tetapi juga mahu menakut-nakutkan orangnya sendiri, bagi membentuk sebuah “benteng pertahanan yang tidak dapat dibolosi”.

Dalam suatu masyarakat yang normal, kebudayaan dipenuhi dengan kasih sayang dan prihatin sesama insan, rasa hormat kepada kehidupan, segan dan bersyukur kepada Tuhan. Orang Timur mengatakan: “Apa yang tidak dikehendaki diri sendiri, jangan dilakukan kepada orang lain” [4]. Orang Barat

mengatakan: “Mengasihi orang lain seperti mencintai dirimu sendiri” [5]. Hanya Parti Komunis yang beranggapan bahwa “sehingga hari ini semua sejarah sosial adalah merupakan sejarah pertarungan kelas” [6]. Demi mempertahankan satu kata “bertarung”, maka menghasut kebencian dan dendam kesumat di kalangan rakyat; PKC bukan hanya membunuh orang, bahkan juga menghasut rakyatnya agar saling membunuh sesama sendiri. Di tengah-tengah pembunuhan yang tidak henti-henti, membiarkan rakyat mengabaikan nyawa dan penderitaan orang lain, dan di depan perlakuan kekejaman dan keganasan yang tidak berperikemanusiaan, menjadi sudah biasa dan kaku, sehinggakan menjadikan kesempatan untuk menghindarkan diri daripada tindakan kekejaman sebagai perkara yang patut disyukuri. Dengan menggunakan penindasan kejam yang sedemikian, kekuasaan PKC dapat dipertahankan.

Maka, pembunuhan yang dilakukan oleh PKC selama berpuluh-puluh tahun bukan sahaja telah memusnahkan nyawa yang tidak terhitung, namun juga telah memusnahkan kerohanian bangsa Cina. Kepada ramai orang, dalam pertarungan kejam, telah terbentuk sejenis refleksi bersyarat. Jika PKC mengangkat pisau penyembelih, ramai orang akan dengan segera melepaskan segala prinsip dan pertimbangan, terus mengangkat tangan dan menyerah. Dipandang daripada suatu makna, jiwa kerohanian mereka telah mati. Ini adalah suatu perkara yang lebih mengerikan berbanding dengan kematian fizikal.

## **I. Pembunuhan Beramai-ramai Yang Dahsyat**

Sebelum mendirikan pemerintahan, Mao Zedong telah menulis artikel begitu: “Kami tidak akan mengamalkan polisi bersikap mulia terhadap perlakuan reaksionis daripada kelas reaksionis” [7]. Dengan kata lain, jauh sebelum PKC memasuki Beijing, sudah mengambil keputusan untuk melaksanakan pemerintahan zalim, dan memberikan nama indah: “Kediktatoran Demokrasi Rakyat”. Berikut ini ialah contoh-contoh kepada gerakan PKC.

### **(I) Penindasan Terhadap Reaksionis dan Reformasi Tanah**

Pada Mac 1950 PKC mengeluarkan “Petunjuk Penindasan Keras Terhadap Anasir-anasir Reaksionis”, sejarah menyebutnya sebagai gerakan “penindasan terhadap reaksionis”.

Berbeza dengan maharaja dalam sejarah masa silam yang memberikan pengampunan secara besar-besaran setelah menaiki takhta, namun bagi PKC setelah memegang kekuasaan lalu mengangkat pisau penyembelih. Dalam suatu dokumen Mao mengatakan bahawa, “Banyak daerah yang terlalu takut, tidak berani membunuh anasir reaksionis secara besar-besaran” [8]. Februari 1951, Jawatankuasa Pusat PKC memberi petunjuk lagi, “Selain daerah Zhejing dan Wannan, kawasan-kawasan lain masih kurang membunuh, terutamanya di bandar besar dan sederhana, harus terus menangkap dan membunuh sejumlah orang, dan tidak boleh berhenti terlalu awal.” Mao bahkan memberi cadangan dalam laporan: “Di pedesaan, membunuh anasir reaksionis pada umumnya harus melebihi 1/1000 daripada jumlah populasi penduduk... di bandar pula pada umumnya harus kurang daripada 1/1000 [9]. Memperhitungkan angka penduduk China pada ketika itu yang berjumlah 600 juta, dengan “titah raja” yang diturunkan Mao ini, maka sekurang-kurangnya 600,000 orang akan kehilangan nyawa. Tidak sesiapa yang mengetahui bagaimana mendapatnya kadar 1/1000 ini, barangkali ialah Mao menepuk-nepuk kepala, beranggapan bahawa adanya 600,000 nyawa orang sebagai alas, maka ketakutan rakyat sudah mulai tampak bentuknya, lalu sasaran ini disampaikan kepada pihak bawahan.

Berkenaan dengan adakah wajar seseorang itu harus dibunuh, sama sekali tidak menjadi pertimbangan buat PKC. Dalam “Peraturan bagi Menghukum Anasir Kontra Revolusi Republik Rakyat China” yang diumumkan pada tahun 1951, menentukan bahawa “perbuatan menyebarkan desas desus” juga boleh dihukum “dipancung segera”.

Bersamaan dengan gerakan “penindasan reaksionis” yang berkobar-kobar, gerakan “Reformasi Tanah” juga digerakkan dengan gegap gempitanya. Sebenarnya, pada akhir abad ke-20 yang lalu, PKC sudah mulai melaksanakan “Reformasi Tanah” dalam kawasan penguasaannya. Secara lahiriahnya adalah bagi mewujudkan cita-cita “Syurga Aman” [10] dan “Ada ladang sama-sama mengerjakannya”, namun pada hakikatnya, adalah bertujuan untuk mencari alasan bagi membunuh orang. Orang nombor empat dalam PKC pada kemudiannya yang bernama Tao Zhu meneriakkan slogan Reformasi Tanah, “Setiap perkampungan desa berdarah, setiap keluarga bertarung,” iaitu tuan tanah di setiap perkampungan desa harus ditembak mati.

Sebenarnya Reformasi Tanah tidak perlu membunuh orang sama sekali, boleh menggunakan cara penebusan tanah, seperti yang dilakukan oleh kerajaan Taiwan, tetapi disebabkan PKC yang mendirikan kekuasaan dengan menggunakan penyamun dan golongan gelandangan jalanan, hanya tahu “merampas”. Setelah merampas barang orang, takut orang membalas dendam, maka dibunuh kesemuanya.

Semasa Reformasi Tanah, cara membunuh orang yang paling sering kelihatan ialah “perhimpunan pertarungan”. PKC mereka-reka tuduhan yang tidak berasas ke atas tuan tanah dan petani kaya, lalu melemparkan pertanyaan “bagaimana” ke bawah pentas. Di bawah pentas juga telah diaturkan sejumlah anggota PKC atau elemen aktif untuk mendahului berteriak “harus dibunuh!”, maka dengan segera sahaja golongan tuan tanah dan petani kaya dihukum mati di tempat kejadian. Pada ketika itu pemilik ladang pertanian di pedesaan diklasifikasikan sebagai “pembuli”; yang sering menggertak dan membuli rakyat jelata disebut “pembuli jahat”; yang sering memperbaiki jambatan, membuat jalan, mendirikan sekolah dan beramal untuk mangsa bencana disebut “pembuli mulia”, yang tidak berbuat apa-apa disebut sebagai “pembuli bukan apa-apa pun”. Pengklasifikasian semacam ini pada hakikatnya tidak ada bezanya, kerana tidak peduli golongan “pembuli” mana-mana pun, semuanya berakhir dengan keputusan yang sama - dihukum mati di tempat kejadian.

PKC mengumumkan, sehingga akhir tahun 1952, jumlah “anasir kontra revolusi” yang telah dilenyapkan adalah melebihi 240,000 orang. Sebenarnya kakitangan kerajaan Kuomintang (KMT) yang di bawah peringkat daerah dan tuan tanah yang terbunuh, paling kurang pun sekurang-kurangnya 5 juta orang.

Gerakan penindasan reaksionis dan Reformasi Tanah mempunyai beberapa kesan yang sangat langsung: Pertama, organisasi kekuasaan dasar China yang dahulunya digolongkan kepada autonomi suku kaum di pedesaan, orang yang berpengaruh di desa menjadi pemimpin autonomi kawasan. Melalui penindasan terhadap reaksionis dan Reformasi Tanah, PKC membunuh habis pengurus dalam sistem yang sedia ada, merealisasikan pengawalan secara keseluruhan di pedesaan, melaksanakan “setiap desa pun mempunyai cabang parti”. Kedua, melalui penindasan reaksionis dan Reformasi Tanah, merompak sejumlah besar harta benda. Ketiga, melalui tindakan kekejaman terhadap tuan tanah dan petani kaya mencapai matlamat menakutkan rakyat jelata.

## **(II) “Kempen Tiga Anti” dan “Kempen Lima Anti”**

Jika dikatakan gerakan penindasan reaksionis dan Reformasi Tanah khususnya ditujukan kepada pedesaan, maka “Kempen Tiga Anti” dan “Kempen Lima Anti” yang selanjutnya adalah merupakan gerakan pembunuhan besar-besaran di kota bandar.

“Kempen Tiga Anti” dilancarkan dari Disember 1951, ditujukan kepada gejala kebejatan kader dalaman PKC, dan bertujuan untuk “menentang rasuah, menentang pembaziran, menentang birokrasi”. Ketika itu PKC telah menghukum mati banyak kader yang korup, tetapi selanjutnya PKC beranggapan gejala kebejatan kadernya adalah disebabkan godaan golongan kapitalis, maka pada

Januari tahun berikutnya dilancarkan “Kempen Lima Anti”, iaitu “menentang pemberian rasuah, menentang pengelakan pembayaran cukai, menentang pencurian harta kekayaan negara, menentang penggunaan bahan bermutu rendah, dan menentang pencurian maklumat ekonomi negara.”

“Kempen Lima Anti” sebenarnya adalah untuk merampas wang golongan kapitalis, bahkan membunuh untuk merampas harta-benda. Chen Yi, datuk bandar Shanghai pada masa itu, setiap malam mendengarkan laporan di atas sofa sambil meminum secawan teh, dengan santainya bertanya: “Ada berapakah pasukan terjun payung pada hari ini?”, yang sebenarnya adalah menanyakan berapa orang peniaga yang membunuh diri dengan terjun dari atas bangunan. Tiada kaum kapitalis yang dapat melepaskan diri daripada malapetaka “Kempen Lima Anti”. Yang dimaksud dengan “menentang pengelakan pembayaran cukai” ialah perhitungan cukai yang dikira daripada masa pembukaan kota Shanghai sejak masa Guangxu (1875-1908) dalam Dinasti Qing (1644-1911), kaum kapitalis tidak akan mampu untuk membayar cukai sekalipun dengan semua harta benda mereka. Mahu mati pun tidak boleh melompat ke dalam Sungai Huangpu, kerana akan dikatakan telah melarikan diri ke Hongkong, seterusnya seluruh ahli keluarganya akan terus dianiaya dan ditindas, maka hanya boleh terpaksa mati dengan terjun dari bangunan, agar PKC tidak lagi menindas setelah melihat mayat yang terkapar. Dikatakan di Shanghai pada ketika itu tidak ada orang yang berani melawati kedua-dua belah bangunan tinggi, kerana takut akan mati tertimpa oleh orang yang tiba-tiba melompat dari atas.

Menurut laporan “Fakta-fakta Kempen Politik Sejak Penubuhan Republik Rakyat China” yang disusun bersama oleh empat unit kerajaan termasuklah Pusat Penyelidikan Sejarah PKC pada tahun 1996, dalam “Kempen Tiga Anti” dan “Kempen Lima Anti”, jumlah orang yang ditangkap adalah lebih daripada 323,100 orang, jumlah yang hilang dan membunuh diri lebih daripada 280 orang. Dalam “Kempen Anti-Hu Feng” pada tahun 1955, lebih daripada 5,000 orang yang terbabit bersama, lebih daripada 500 orang ditangkap, lebih daripada 60 orang mati membunuh diri, 12 orang mati secara tidak normal. Dalam gerakan penindasan reaksionis yang berikutnya, lebih daripada 21,300 orang dijatuhkan hukuman mati, dan lebih daripada 4,300 orang yang hilang atau membunuh diri. [11]

### **(III) Kebuluran Besar**

Sejak PKC mendirikan pemerintahan, gerakan politik yang mencatatkan angka kematian yang paling tinggi ialah Kebuluran Besar yang terjadi setelah “Langkah Jauh ke Hadapan” [12]. Sebuah artikel yang berjudul “Kebuluran Besar” dalam buku “Catatan Sejarah Republik Rakyat China” mengatakan: “Angka bagi kematian tidak normal dan pengurangan bilangan kelahiran penduduk dari tahun 1959 hingga 1961, adalah sekitar 40 juta orang....Populasi penduduk China telah berkurang sebanyak 40 juta orang. Ini berkemungkinan adalah merupakan bencana kebuluran yang terbesar di dunia pada abad ini.” [13]. Ahli akademik dari dalam mahupun luar negeri menganggarkan angka kematian disebabkan kebuluran antara 30 hingga 45 juta orang.

Kebuluran Besar ini diputarbelitkan PKC menjadi “bencana alam selama tiga tahun”. Pada hakikatnya selama tiga tahun itu cuaca alam adalah amat baik sekali, bencana alam yang berskala besar dan serius seperti banjir besar, kemarau, ribut taufan, tsunami, gempa bumi, taufan salji, bencana belalang ataupun bencana alam yang lain tidak pernah sekali pun terjadi. Kebuluran ini adalah semata-mata bencana buatan manusia secara total. Disebabkan “Langkah Jauh ke Hadapan” membuat seluruh rakyat terlibat dalam pengeluaran besi keluli, menyebabkan sejumlah besar tanaman di sawah ladang terbiar tanpa dituai sehingga menjadi luput; pada masa yang sama, setiap daerah berebut melapor mendapat hasil tuaian besar-besaran. He Yiran, setiausaha Jawatankuasa PKC di daerah Liuzhou bahkan mereka-reka berita khusus, bahawa hasil penuaian padi di Wilayah Huanjiang mencapai hasil “setiap Mu dengan tuaian sebanyak 130,000 jin (65,000kg)” [14]. Kebetulan setelah Mesyuarat Lu Shan, PKC melancarkan gerakan “Anti Sayap Kanan” di seluruh negeri, dan

disebabkan semata-mata ingin mencerminkan kononnya setiap keputusan PKC adalah sentiasa betul, PKC berdasarkan kepada laporan jumlah penuaian yang palsu, mengekspropriasi dan membeli bahan makanan di seluruh negeri, sebagai suatu bentuk cukai. Sebagai hasilnya, semua makanan petani, bahkan biji benih dan bahan makanan ternakan pun disita dan dirampas. Dengan merampas pun tetap tidak dapat mencapai jumlah kuota, maka petani pula difitnah menyembunyikan bahan makanan.

He Yiran pernah mengatakan: “Tidak peduli berapa jumlah orang yang mati kebuluran, daerah Liuzhou pun mahu merebut juara!” Ada petani yang rumahnya dirampas bersih sehingga hanya tertinggal beberapa genggam beras yang disimpan di dalam pot air kencing. Jawatankuasa PKC Xunle di daerah Huanjiang bahkan mengeluarkan “perintah larangan memasak”, agar petani tidak dapat makan meskipun mempunyai bahan makanan. Pengawal PKC digerakkan untuk melakukan rondaan pada waktu malam, apabila terlihat nyalaan api terus menggeledah dan melakukan penangkapan. Banyak petani sehinggakan memasak sayuran hutan dan kulit pepohon pun tidak berani, mati kelaparan hidup-hidup.

Dalam sejarah, semasa berlakunya kebuluran besar, pemerintahan setempat selalunya mendirikan dapur umum, memasak bubur bagi rakyat untuk makan bersama. Gudang makanan dibuka untuk membahagikan bahan makanan, dan mengizinkan rakyat beredar daripada kawasan kebuluran. Namun PKC jelasnya menganggap bahawa pelarian akan merosakkan “kewibawaan parti”, lalu menghantar tentera pengawalnya untuk menyekat jalan-jalan di pedesaan, menghalang rakyat yang kebuluran melarikan diri ke luar. Bahkan pada saat-saat mangsa kebuluran tidak lagi dapat menahan kelaparan lalu pergi merompak bahan makanan di gudang, PKC mengeluarkan perintah untuk menindas dan menembak, dan menfitnah mangsa yang mati ditembak itu ialah anasir kontra revolusi. Pada waktu itu, di banyak daerah seperti Gansu, Shandong, Henan, Anhui, Hubei, Hunan, Sichuan, Guangxi terdapat banyak mayat yang mati kebuluran yang bergelimpangan di merata-rata tempat. Petani yang sudah kebuluran pun masih dipaksa untuk mengerjakan “projek pengairan berskala besar” dan “projek penghasilan besi keluli berskala besar”. Banyak orang yang berjalan-jalan lalu rebah dan tidak bangun lagi buat selama-lamanya. Akhirnya orang yang hidup pun tidak bertenaga untuk menguburkannya. Di kebanyakan pedesaan keluarga mati satu demi satu.

Bencana kebuluran yang paling serius di sejarah China pernah terjadinya peristiwa “keluarga saling bertukar anak-anak masing-masing untuk dimakan”, namun tiada sesiapa yang makan anak sendiri. Namun dalam waktu kekuasaan PKC, terjadi cerita yang sedemikian: orang yang hidup bukan hanya memotong mayat orang yang telah mati untuk dimasak dan dimakan, malahan mangsa pelarian dan bahkan anak sendiri pun dibunuh dan dimakannya. Penulis Sha Qing dalam bukunya “Kaburnya Muara” (Yi Xi Da Di Wan) memperihalkan suatu kejadian seperti berikut: “Ada satu keluarga petani, ahli keluarganya sudah dimakan sehingga hanya tinggal seorang ayah dan dua orang anak, satu lelaki dan satu perempuan. Pada suatu hari, si ayah mengusir anak perempuannya keluar, sewaktu anak perempuannya balik ke rumah, adik lelakinya sudah hilang, di dalam kualiti terapung-apung benda yang berupa selapisan minyak putih, dan di tepi dapur tertinggal selonggok tulang. Beberapa hari kemudian, si ayah menambah air lagi ke dalam kualiti, lalu memanggil anak perempuannya. Anak perempuannya itu ketakutan sehingga bersembunyi di luar pintu, menangis sekuat-kuatnya dan merayu: “Ayah, jangan makan saya, saya boleh mengumpulkan kayu api dan memasak untukmu, jika makan saya, tiada orang lagi yang membuat ini untukmu”.

Kita tidak tahu berapa banyak tragedi yang menyedihkan seperti ini telah berlaku, namun apa yang pasti ialah, PKC yang merupakan punca yang mengakibatkan tragedi tersebut malah menjadikannya sebagai pujian dalam memimpin rakyat melawan “bencana alam”, dan terus menggelar dirinya “agung, mulia, betul”.

Dalam Mesyuarat Lushan tahun 1959, Jeneral Peng Dehuai [15] yang bersuara demi kepentingan rakyat telah ditindas dan dilucutkan kuasanya. Sejumlah besar kader yang berani bercakap jujur dipecat, ditahan, diperiksa, sehinggakan pada ketika bencana Kebuluran Besar terjadi, sudah tidak ada orang yang berani bercakap jujur. Untuk mempertahankan kedudukan mereka, hampir kesemuanya menutupi fakta kebenaran tentang orang yang mati kebuluran, bahkan semasa daerah Shaanxi berinisiatif untuk mengajukan bantuan makanan kepada daerah Gansu, tetapi telah ditolak Gansu dengan alasan bahan makanan berlebihan hingga tak termakan.

Kebuluran Besar kali itu juga merupakan suatu ujian pemeriksaan terhadap kader PKC. Menurut kriteria PKC, kader-kader tersebut semuanya tentulah “memenuhi syarat”, kerana mereka rela membiarkan berpuluh-puluh juta orang mati kebuluran pun tidak bercakap jujur, dipercayai mereka tidak lagi mempunyai sebarang sifat perikemanusiaan ataupun prinsip alamiah yang menjadi beban bagi hati nurani mereka. Selepas Kebuluran Besar, kader-kader daerah yang bertanggungjawab hanya mengambil bahagian dalam formaliti kritikan secara sepintas lalu sahaja. Li Jingquan, setiausaha jawatankuasa PKC bagi daerah Sichuan, yang merupakan tempat ratusan ribu orang mati kebuluran, malahan dinaikkan pangkatnya menjadi Setiausaha Pertama Daerah Barat Daya Biro PKC.

#### **(IV) Daripada Revolusi Kebudayaan Dan Pembunuhan 4 Jun sehingga Falun Gong**

Revolusi Kebudayaan bermula secara rasminya pada tanggal 16 Mei 1966 hingga 1976 . PKC sendiri menyebut tempoh waktu itu sebagai “Bencana Besar Sepuluh Tahun”. Hu Yaobang di kemudian harinya dalam suatu wawancara dengan wartawan Yugoslavia mengatakan: “Pada waktu itu kira-kira 100 juta orang yang terbabit, merupakan jumlah satu per sepuluh daripada populasi di China.”

Laporan “Fakta-fakta Kempen Politik Sejak Penubuhan Republik Rakyat China” yang disusun oleh Pusat Penyelidikan Sejarah PKC dan lain mendedahkan angka-angka seperti berikut: “Pada Mei tahun 1984, selepas dua tahun dan tujuh bulan Jawatankuasa Pusat PKC melakukan penyelidikan secara keseluruhan, pengesahan dan penghitungan semula terhadap angka-angka yang berhubungan dengan Revolusi Kebudayaan, mendapati lebih daripada 4,200,000 orang yang ditahan dan diperiksa; lebih daripada 1,728,000 orang yang mati secara tidak normal; lebih daripada 135,000 orang yang dilabelkan sebagai anasir kontra revolusi dan dijatuhkan hukuman mati; lebih daripada 237,000 orang yang mati kerana pertarungan kekerasan, dan yang menjadi cacat dalam pertempuran lebih daripada 7,030,000 orang; lebih daripada 71,200 keluarga hancur berkecai”. Menurut statistik daripada catatan tahunan bagi wilayah di China, menganggarkan jumlah kematian yang tidak normal dalam Revolusi Kebudayaan sekurang-kurangnya pun mencapai 7,730,000 orang.

Selain memukul mati orang, semasa dalam permulaan Revolusi Kebudayaan, di China munculnya kes-kes kaum intelektual membunuh diri yang kritikal, misalnya: Lao She, Fu Lei, Jian Bozan, Wu Han, Chu Anping dan lain-lain, semuanya menempuh jalan buntu pada permulaan Revolusi Kebudayaan.

Masa Revolusi Kebudayaan ialah keadaan “kiri” yang paling gila di China. Membunuh orang pada masa itu adalah merupakan semacam pertunjukan kekuatan untuk memperlihatkan “sifat revolusi”, maka itu pembunuhan terhadap “musuh kelas” dilakukan dengan sangat kejam dan buas.

Namun, “Reformasi Ekonomi dan Keterbukaan” telah membawa perkembangan pesat dalam kelancaran peredaran berita dan maklumat, lantas membuat banyak wartawan asing dapat menyaksikan peristiwa berdarah “4 Jun” tahun 1989 di Beijing, dan menyiarkan rakaman penyembelihan mahasiswa yang hancur ditegak tank di stesen televisyen luar negeri.

Sepuluh tahun kemudian, pada 20 Juli 1999, Jiang Zemin memulakan penindasan terhadap Falun Gong. Sehingga pada akhir tahun 2002, berita dalaman daripada Tanah Besar China menunjukkan lebih daripada 7,000 orang disiksa sehingga mati di kem tahanan, kem kerja paksa, penjara dan hospital sakit jiwa, secara puratanya 7 orang dibunuh pada setiap hari.

Pada masa ini, jumlah bilangan yang dibunuh oleh PKC tidaklah sebesar berbanding dengan dahulunya yang mencapai jutaan bahkan puluhan juta, hal ini sebenarnya disebabkan dua perkara penting. Pertama, kebudayaan parti PKC telah mengubah rakyat menjadi lebih hamba abdi; dan sebab satu lagi ialah gejala rasuah dan penggelapan dana negara yang berskala besar telah mengakibatkan ekonomi China menjadi “ekonomi jenis transfusi darah”, modal asing telah menjadi tiang sokongan yang penting untuk mempertahankan pertumbuhan ekonomi dan kestabilan sosial. PKC masih segar dalam ingatan sekatan ekonomi yang dikenakan kepadanya selepas kejadian “Peristiwa 4 Jun”, lalu menyedari bahawa membunuh orang secara terang-terangan pada masa ini akan mengakibatkan modal asing menarik diri daripada China, dengan ini akan mengugat pemerintahannya.

Namun PKC dengan diam-diam tetap tanpa hentinya membunuh, hanya dengan sedaya upaya menyembunyikan kesan lumuran darah.

## **II. Cara Membunuh yang Terlampau Kejam**

Semua yang dilakukan oleh PKC hanya demi satu tujuan, yakni memperoleh dan mempertahankan kekuasaan. Dan membunuh telah menjadi cara yang sangat penting bagi PKC untuk mempertahankan kekuasaan. Semakin kejam dan semakin banyak bilangan yang dibunuh, semakin PKC dapat mencapai tujuan untuk menakut-nakutkan rakyat. Cara melakukan keganasan sedemikian telah digunakan bahkan sebelum waktu Perang China-Jepun.

### **(I) Pembunuhan beramai-ramai di Utara China ketika Perang China-Jepun**

Presiden Amerika Syarikat Hoover ketika mengesyorkan buku “Musuh Dalaman” [16] yang ditulis oleh Paderi Raymond J. De Jaegher, memberikan komen bahawa buku tersebut telah membongkarkan secara terang-terang terhadap keganasan yang dilakukan dalam gerakan komunis. Dia mengesyorkan kepada sesiapa saja yang ingin memahami suatu kekuasaan iblis di dunia.

Dalam buku tersebut, De Jaegher telah menceritakan bagaimana PKC menggunakan kekerasan dan keganasan untuk menakut-nakutkan orang ramai agar menjadi akur. Pada suatu hari, PKC meminta semua orang untuk berkumpul di tanah lapang di suatu pedesaan. Para guru membawa pelajar-pelajar ke tanah lapang daripada sekolah. Tujuan bagi perhimpunan ini adalah untuk menyaksikan pembunuhan terhadap 13 orang pemuda patriotik. Selepas mengumumkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas, PKC memerintahkan guru yang sudah kelihatan pucat untuk memimpin murid-muridnya menyanyikan lagu patriotik. Yang muncul di pentas bukanlah penari, tetapi seorang algojo pemancung yang memegang pedang tajam. “Pemancung merupakan seorang perajurit komunis yang buas dan tegap dengan lengan yang kuat. Perajurit itu datang ke belakang mangsa yang pertama, kedua-dua tangannya mengangkat pedang tajamnya dan dengan cepat menetakkan ke bawah, dan kepala pertama terpenggal jatuh ke tanah, kepala berguling di tanah, darah memancut keluar bagaikan air. Nyanyian anak-anak yang sudah histeris berubah menjadi suara tangisan yang tidak teratur. Guru-guru cuba bertahan, terus mengiringi nyanyian agar teratur kembali, dalam keadaan huru-hara saya kedengaran bunyi loceng.”

Pemancung secara berterusan memenggal sebanyak 13 kali, dan 13 kepala jatuh ke tanah. Setelah itu beberapa perajurit komunis sama-sama membedah tubuh mangsa dan mengambil jantungnya untuk dimakan. Semua kekejaman ini dilakukan di depan anak-anak. “Anak-anak takut sehingga menjadi

pucat lesi, dan beberapa orang telah muntah-muntah. Guru-guru memarahi mereka dan mengarahkan mereka berbaris untuk balik ke sekolah.”

Setelah itu, Paderi De Jaegher sering melihat anak-anak dipaksa untuk menyaksikan pembunuhan. Sehingga anak-anak mulai biasa dengan pembunuhan berdarah ini, menjadi kaku dan malahan sebahagian daripada mereka mulai memperoleh keseronokan daripada itu.

Ketika PKC merasakan bahawa dengan hanya membunuh semata-mata tidak cukup menakutkan dan seronok, mereka mulai mencipta berbagai-bagai cara penyeksaan kejam yang baru, misalnya memaksa seseorang untuk menelan garam dalam jumlah yang banyak tanpa memberinya air untuk minum, sehinggakan mangsa mati kehausan, atau melucutkan pakaian seseorang dan memaksanya untuk bergolek-golek di atas pecahan kaca, atau membuat lubang di sungai yang membeku pada musim dingin, kemudian melempar mangsa ke dalam lubang tersebut, sehingga mati kesejukan atau mati lemas.

De Jaegher menuliskan bahawa “Seorang anggota PKC di daerah Shaanxi telah mencipta suatu cara penyeksaan yang kejam. Pada suatu hari dia sedang berjalan-jalan di kota, dan berhenti di depan sebuah restoran, menatap pada sebuah tong besar yang digunakan untuk memasak. Kemudian dia membeli beberapa tong besar, dan segera menangkap beberapa orang yang anti-komunis, lalu mengadakan pengadilan secara alpa dan terburu-buru, dan pada masa yang sama mengarahkan tong-tong tersebut diisi dengan air dan dimasak sehingga mendidih. Setelah habis pengadilan, tiga orang segera ditelanjarkan dan dilemparkan ke dalam tong besar tersebut dan dimasak hidup-hidup sehingga mati..... Di Pingshan, saya pernah menyaksikan seorang ayah dibuang kulit hidup-hidup sehingga mati. Anggota-anggota PKC memaksa anak lelakinya untuk turut melihat dengan mata sendiri dalam penyeksaan yang tidak berperikemanusiaan itu, mendengar sendiri ayahnya meninggal dalam teriakan kesakitan. PKC menuangkan cuka dan asid pada tubuh si ayah, seluruh kulitnya segera terkelupas. Mereka bermula daripada bahagian belakang badan, lalu ke arah bahu, seluruh kulit pada tubuhnya terkelupas, hanya tinggal kulit kepala. Ayahnya mati dalam masa beberapa minit.”

## **(II) Keganasan Merah semasa “Ogos Merah” dan Kanibalisme Guangxi**

Setelah meraih kekuasaan mutlak dalam negara, PKC tidak berniat untuk menghentikan kekerasannya sama sekali. Sewaktu Revolusi Kebudayaan, kekerasan dan keganasan ini menjadi lebih teruk.

Pada 18 Ogos 1966, Mao Zedong bertemu dengan wakil Pengawal Merah di menara Lapangan Tiananmen. Song Binbin, anak perempuan pemimpin komunis Song Renqiong, menempelkan sebuah lambang Pengawal Merah pada lengan Mao. Ketika Mao mengetahui bahawa nama Song Binbin yang bererti lembut dan sopan, dia berkata, “Kita memerlukan lebih banyak kekerasan.” Song segera mengubah namanya menjadi Song Yaowu (ertinya “inginkan kekerasan”).

Penyerangan bersenjata dengan penuh kekerasan segera bermaharajalela ke seluruh negeri. Generasi muda yang menerima pendidikan atheis tidak mempunyai sebarang rasa takut mahupun pertimbangan wajar. Di bawah pimpinan langsung daripada PKC dan dengan perintah Mao sebagai standard, Pengawal Merah bertindak dengan fanatik, dengan tidak mempedulikan apa-apa pun, tanpa hukum dan tanpa peraturan, mulai memukul rakyat dan merampas rumah-rumah di seluruh negeri. Di banyak tempat, semua “lima kelompok hitam” (tuan tanah, petani kaya, reaksionis, elemen buruk, sayap kanan) dan ahli keluarga mereka dibunuh. Contoh yang tipikal ialah di daerah Daxing, semenjak dari 27 Ogos hingga 1 September pada 1966, sejumlah 325 orang dibunuh dalam 48 pasukan besar tempatan daripada 13 Komun Rakyat. Orang yang dibunuh, yang paling tua berusia 80 tahun, dan yang paling muda berusia hanya 38 hari. 22 rumah dan ahli keluarganya dibunuh sehingga tiada yang tertinggal.

“Memukul orang sampai mati ialah perkara yang biasa. Di Jalan Shatan, segerombolan Pengawal Merah menyiksa seorang wanita tua dengan rantai besi dan tali pinggang kulit sehingga orang tua itu tidak dapat bergerak lagi, dan seorang wanita anggota Pengawal Merah melompat ke atas tubuhnya dan memijak-mijak perutnya. Wanita tua ini disiksa hidup-hidup sehingga mati di tempat kejadian.... Dekat Chongwenmeng, ketika Pengawal Merah sedang menggeledah rumah seorang janda “tuan tanah”, mereka memaksa setiap jiran tetangganya untuk membawa satu teko air mendidih dan menyiramkan air panas ini ke kolar leher janda tersebut sehingga kulitnya masak melecur. Beberapa hari kemudian mayat janda tersebut ditemui mati dalam bilik dengan tubuhnya dipenuhi ulat berenga..... Pada masa itu terdapat banyak cara membunuh yang dilakukan, termasuk memukul sampai mati dengan batang kayu, memotong dengan sabit, dan mencekik mati dengan tali. Cara membunuh bayi lagi kejam; memijakkan kakinya di satu kaki si bayi dan menarik kaki bayi yang satunya lagi, sehingga merobek si bayi menjadi dua bahagian.” (Daripada buku “Penyiasatan terhadap Pembunuhan Beramai-ramai Daxing” oleh Yu Luowen) [17]

Berbanding dengan Pembunuhan Beramai-ramai Daxing, kanibalisme di Guangxi bahkan lagi buas dan tidak berperikemanusiaan. Penulis Zheng Yi, seorang pengarang daripada sebuah buku “Memori Merah”, menggambarkan progress kanibalisme terdiri daripada tiga tahap. [18]

Tahap pertama ialah tahap permulaan, pembunuhan dilakukan secara rahsia dan misteri. Buku catatan tahunan bagi daerah mendokumentasikan suatu kejadian yang tipikal. Pada tengah malam, si pembunuh secara diam-diam mencari mangsanya dan membedahnya untuk mengambil jantung dan hatinya. Disebabkan mereka masih takut dan tidak berpengalaman, apabila sudah balik baru mendapati silap terambil paru-parunya, sehingga mereka harus pergi sekali lagi. Mereka akan memasak hati dan jantung tersebut, ada sebahagian daripada mereka yang membawa minuman keras dari rumah, dan yang lain pula membawa rempah, lalu semua pembunuh ini, dengan senyap memakan organ tubuh manusia tersebut dalam sinaran api panggang.

Tahap kedua ialah tahap puncak, keganasan dilakukan secara terbuka di depan umum. Sampai ke tahap ini, pembunuh-pembunuh veteran telah menjadi berpengalaman dalam cara mengeluarkan jantung dan hati mangsa-mangsa secara hidup-hidup, dan mengajarkannya kepada yang lain, untuk memperbaiki teknik-teknik mereka agar menjadi lebih sempurna. Misalnya ketika membedah orang hidup, si pembunuh hanya perlu memotong bahagian perut, memijak tubuhnya, (jika si korban diikat pada pokok, maka ditendang perutnya dengan menggunakan lutut) jantung dan organ-organ yang lain akan jatuh keluar dengan sendirinya. Kepala pasukan pembunuh berhak ke atas jantung, hati dan alat kelamin, sementara yang lain pula membahagikan sisa-sisanya. Pemandangan yang menyeramkan ini dimeriahkan dan diperbesar-besarkan dengan bendera-bendara merah dan sorakan-sorakan slogan.

Tahap ketiga adalah merupakan tahap yang paling gila dan fanatik, dengan kanibalisme sudah menjadi gerakan besar-besaran yang tersebar luas. Di wilayah Wuxuan, bagaikan anjing liar yang memakan mayat dalam waktu epidemik, orang-orang dengan gilanya memakan orang yang lain. Seringkali mangsa-mangsa pada awalnya “dikritik secara umum”, dan diikuti dengan pembunuhan dan kanibalisme. Sesaat mangsa rebah ke tanah, tidak kira sama ada hidup ataupun mati, orang-orang akan mencabut pisau yang telah disediakan awal dan mengelilingi si mangsa, memotong mana-mana bahagian tubuh si mangsa yang dapat diperolehnya. Pada tahap ini, rakyat yang biasa juga turut terlibat dalam kanibalisme ini. Semua rasa berdosa dan sifat manusiawi habis dilenyapkan oleh taufan “pertarungan kelas”. Kanibalisme seterusnya menular menjadi suatu wabak epidemik dan orang ramai menikmati pesta kanibalisme. Semua bahagian daripada tubuh manusia pun dimakan, termasuk jantung, daging, hati, ginjal, sesiku kaki dan urat. Tubuh manusia dimasak dengan pelbagai cara termasuk merebus, mengukus, menumis, memanggang, menggoreng untuk dijadikan lauk kenduri. Orang minum arak dan bermain-main sementara memakan daging manusia. Dalam masa puncak, bahkan kantin organisasi pemerintahan tertinggi, Jawatankuasa Revolusi wilayah Wuxuan juga menyediakan menu daging manusia.

Dan jangan sekali-kali silap menyangka bahawa pesta kanibalisme seperti ini adalah semata-mata suatu perilaku yang tidak teratur yang berlaku di kalangan rakyat. PKC sebagai organisasi totalitarian yang mengawal setiap sel dalam masyarakat, tanpa dorongan dan manipulasi PKC di belakang, gerakan kanibalisme tidak akan mungkin terjadi sama sekali.

Sebuah lagu yang ditulis oleh PKC untuk menyanjungi dirinya yang berbunyi: “Masyarakat lama [19] mengubah orang menjadi hantu, masyarakat baru mengubah hantu menjadi manusia.” Namun begitu, pembunuhan-pembunuhan ini dan pesta kanibalisme menunjukkan kepada kita bahawa PKC dapat mengubah manusia menjadi raksasa atau iblis, kerana PKC itu sendiri lebih kejam daripada raksasa mahupun iblis mana-mana pun.

### **(III) Penindasan Terhadap Falun Gong**

Apabila rakyat China mulai memasuki era perkomputeran dan ruang angkasa, serta dapat membicarakan secara peribadi tentang hak asasi, kebebasan dan demokrasi, banyak orang berfikir bahawa keganasan yang mengerikan dan menjijikkan itu sudahpun berlalu. PKC juga telah meliputi pakaian tamadun dipermukaan luarnya dan bersiap sedia untuk berhubung dengan dunia.

Namun ini jauh daripada hakikat sebenarnya. Ketika PKC mendapati adanya sekumpulan orang yang tidak gentar dengan penyiksaan dan pembunuhan yang kejam, cara penindasan yang digunakan PKC bahkan semakin naik gila. Kumpulan yang ditindas dengan cara sedemikian ialah Falun Gong.

Jika berkata, kekerasan dan kanibalisme yang dilakukan Pengawal Merah di Daerah Guangxi adalah untuk menyalakan tubuh fizikal mangsa, membunuh dalam masa beberapa minit atau beberapa jam, maka penindasan yang dilakukan ke atas para pengamal Falun Gong adalah untuk memaksa mereka melepaskan kepercayaan terhadap prinsip “Sejati, Baik, Sabar”. Penyiksaan yang kejam malahan berlanjutan selama sehari-hari, berbulan-bulan atau bahkan bertahun-tahun. Dianggarkan lebih daripada 10,000 orang pengamal Falun Gong telah mati disiksa.

Pengamal Falun Gong yang telah mengalami penderitaan daripada pelbagai jenis seksaan, dan yang dapat melepaskan diri daripada kematian telah melaporkan terdapat lebih daripada 100 jenis cara penyiksaan kejam yang dilakukan PKC; berikutnya hanyalah sebahagian daripada contohnya.

Memukul dengan kejam adalah merupakan salah satu cara penyiksaan yang paling sering digunakan untuk menganiaya pengamal Falun Gong. Polis dan pengawal penjara secara langsung memukul pengamal-pengamal, dan juga menghasut tahanan yang lain untuk memukul pengamal. Banyak pengamal yang dipukul sehingga menjadi tuli dan tisu telinga luar terkoyak, mata mereka diremukkan, gigi mereka dipecahkan, juga, tengkorak, tulang punggung, tulang rusuk, tulang selangka, tulang pinggul, lengan dan kaki telah patah dipukul; ada yang tangan dan kaki telah diamputasi kerana patah dipukul. Sebahagian penyiksa dengan kasar mencubit dan meremukkan alat kelamin lelaki dan menendang alat kelamin pengamal wanita. Jika pengamal tidak menyerah, penyiksa akan terus memukul sehingga kulit pengamal robek koyak dan kelihatan dagingnya. Tubuh pengamal telah menjadi tidak berbentuk sepenuhnya dan darah tersimbah-simbah. Penjaga penjara malahan menyiram air garam pada tubuh pengamal dan merenjat pengamal dengan tongkat elektrik. Bau darah dan daging hangus terbakar sehingga menjadi berbaur, jeritan kesakitan amat menyayat hati. Sementara itu penyiksa juga menggunakan beg plastik untuk menutupi kepala pengamal membuat mereka ketakutan dan sesak nafas.

Renjatan elektrik juga merupakan cara yang lain yang sering digunakan dalam kem kerja paksa di China untuk menyiksa pengamal Falun Gong. Polis menggunakan tongkat elektrik untuk merenjat

bahagian sensitif tubuh pengamal, termasuk mulut, kepala, dada, alat kelamin, payu dara wanita; alat kelamin, pinggung, paha, tumit kaki lelaki. Ada sesetengah polis yang merenjat pengamal dengan beberapa batang tongkat elektrik di merata-rata tubuh pengamal sehingga daging yang terbakar dapat tercium baunya, dan bahagian yang terluka menjadi hitam lebam. Kadang-kala kepala dan dubur direnjat secara serentak. Polis seringkali menggunakan sepuluh atau lebih banyak tongkat elektrik sekaligus untuk menyiksa pengamal dalam jangka waktu yang lama. Biasanya satu tongkat elektrik mempunyai berpuluh-puluh ribu volt. Ketika tongkat elektrik tersebut menyahcas akan mengeluarkan cahaya biru dan diikuti dengan bunyi yang menyakitkan telinga. Ketika arus elektrik merentasi tubuh seseorang, rasanya bagaikan dibakar atau digigit oleh ular. Setiap renjatan sangatlah menyakitkan bagaikan gigitan ular. Kulit mangsa berubah menjadi merah, pecah, hangus terbakar dan bernanah. Terdapat tongkat elektrik yang mempunyai daya voltan yang lebih tinggi, jika direnjat di kepala bagaikan dihentam dengan tetukul.

Polis menggunakan puntung rokok untuk membakar tangan, muka, tapak kaki, dada, punggung, puting payu dara, dan bahagian-bahagian lain tubuh pengamal, menggunakan pemetik api untuk membakar tangan dan alat kelamin pengamal. Batang besi yang dibuat khusus dipanaskan dalam ketuhar sehingga menjadi merah membara, digunakan untuk membakar lecur kaki pengamal. Polis juga menggunakan arang yang panas membara untuk membakar muka pengamal, membakar hidu-hidu sehingga mati pengamal yang telah disiksa secara keji yang masih bernafas dan berdenyut nadinya. Polis kemudian mengatakan bahawa kematiannya adalah disebabkan “membakar sendiri”.

Polis memukul payu dara dan kelamin pengamal wanita; memperkosa wanita dan juga memperkosa secara beramai-ramai; menggunakan tongkat elektrik untuk merenjat payu dara dan alat kelamin mereka; menggunakan pemetik api untuk membakar puting payu dara, dan memasukkan tongkat elektrik ke dalam vagina pengamal dan merenjatnya; mengikat empat batang busur gigi bersama dan mencucuk ke dalam vagina pengamal wanita sambil memutar batang busur gigi tersebut; mengkaitkan bahagian vagina pengamal wanita dengan kait besi; menggari tangan pengamal wanita ke belakang, kedua-dua puting payu dara dikaitkan bersama dengan dawai dan direntasi dengan renjatan arus elektrik; melucutkan pakaian pengamal wanita, dan memasukkan mereka ke dalam penjara lelaki dan dibiarkan diperkosa.

Polis memaksa pengamal Falun Gong untuk memakai “jaket pengikat” [20], kemudian menyilang dan mengikat tangan mereka ke belakang. Polis menarik tangan pengamal ke depan dada, dan mengikat kedua-dua kaki, dan menggantung pengamal di luar jendela. Pada masa yang sama, polis juga menyumbat mulut pengamal dengan kain, memasang fon telinga pada mereka, menyiarkan kata-kata yang menfitnah Falun Gong secara berterusan. Mangsa yang mengalami seksaan ini terus mengalami kepatahan tulang pada lengan, bahu, pergelangan tangan dan sesiku. Mereka yang disiksa dengan cara ini dalam jangka waktu yang panjang akan mengalami kepatahan saraf pada tulang belakang, dan mati dalam kesakitan yang teramat.

Polis juga melemparkan pengamal ke tempat yang penuh dengan air kotor atau air najis. Penyiksaan yang lain termasuklah menusuk stik bambu ke kuku jari pengamal; memaksa pengamal untuk tinggal di dalam bilik lembap yang penuh dengan kutu merah, hijau, kuning dan putih di langit, lantai dan dinding; membiarkan anjing, ular dan kala jengking untuk menggigit pengamal; dan menyuntik pengamal dengan ubat-ubat yang merosakkan saraf. Ini hanyalah beberapa cara daripada cara penyiksaan yang tidak terduga terhadap pengamal dalam kem kerja paksa.

### **III. Pertarungan Kejam dalam Parti**

Disebabkan PKC berlandaskan pada sifat parti dan bukan atas dasar moral dan keadilan, maka kesetiaan anggotanya khususnya pegawai kadernya kepada pemimpin tertinggi telah menjadi suatu

persoalan. Oleh sebab itu, dalam parti juga perlu membunuh anggotanya untuk menciptakan suasana keganasan agar yang masih hidup dapat melihat bahawa jika diktator tertinggi ingin seseorang mati, orang tersebut akan mati dengan dahsyat sekali.

Pertarungan dan pergolakan dalaman bagi parti-parti komunis sudah terkenal. Semua anggota Politbiro Parti Komunis Rusia bagi dua penggal yang pertama, selain daripada Lenin dan Stalin, dihukum mati atau membunuh diri. Tiga daripada lima marsyal dihukum mati, lima ketua komander tiga daripadanya juga dihukum mati, keseluruhannya sepuluh orang daripada ketua komando pangkat kedua dihukum mati, 57 orang daripada 85 orang komando dalam regu tentera dihukum mati, dan 110 orang daripada 195 orang dalam divisi komando dihukum mati.

PKC selalu mendorong “perjuangan kejam dan serangan tanpa belas kasihan”. Taktik ini bukan hanya ditujukan kepada orang-orang di luar parti sahaja. Sejak dari awal ketika revolusi di daerah Jiangxi, PKC telah membunuh banyak orang dalam Kumpulan Anti-Bolshevik (Kumpulan AB) [21] yang akhirnya hanya tertinggal beberapa orang yang masih hidup untuk terus berperang. Di kota Yan’an, PKC melancarkan kempen “Rektifikasi”. Kemudian setelah memperoleh kekuasaan, PKC melenyapkan Gao Gang, Rao Sushi [22], Hu Feng, dan Peng Dehuai. Ketika masa Revolusi Kebudayaan, hampir semua anggota senior dalam Parti telah dilenyapkan. Tidak ada seorang setiausaha agung PKC pun yang berakhir dengan kesudahan baik.

Liu Shaoqi, bekas Presiden China yang pernah menjadi orang nombor kedua dalam negara, menghabiskan hayatnya dengan dahsyat. Pada harijadinya yang ke-70, Mao Zedong dan Zhou Enlai [23] khasnya mengarahkan Wang Dongxing (ketua penjaga keselamatan Mao) untuk menghantar hadiah harijadi kepada Liu Shaoqi, yakni sebuah radio, agar Liu dapat mendengar pengumuman rasmi daripada Sesi Sidang Lengkap Ke-8 bagi Jawatankuasa Pusat ke-12, yang menyatakan, “Mengusir Liu Shaoqi yang merupakan pengkhianat, pengintip dan pembelot parti dan teruskan untuk mencerca Liu Shaoqi dan gengnya atas jenayah pengkhianatannya terhadap parti dan negara.”

Mental Liu Shaoqi menerima pukulan hebat dan keadaan penyakitnya dengan pantas menjadi tenat. Disebabkan dia diikat di katil untuk jangka waktu yang panjang dan tidak dapat bergerak, lehernya, punggungnya, pinggangnya dan tumitnya penuh dengan benjolan kulit bernanah yang amat menyakitkan. Ketika dia sedang dalam kesakitan, dia akan meraih kain, benda, atau tangan orang lain, dan tidak akan melepaskannya, oleh sebab itu orang memberikan botol plastik yang keras untuk digenggamnya. Ketika dia mati, dua botol plastik yang keras tersebut telah berubah bentuk menjadi jam pasir daripada genggamannya.

Pada Oktober 1969, tubuh Liu Shaoqi mengalami infeksi yang teruk dan mengeluarkan nanah yang baunya menyengatkan. Dia sangat kurus seperti batang lidi dan di ambang kematian. Namun inspektor khusus daripada jawatankuasa parti pusat tidak mengizinkan mandinya mahupun memterbalikkan tubuhnya untuk menukar baju. Malahan mereka melucutkan pakaiannya, membungkusnya dengan selimut, menghantarnya dengan pesawat dari Beijing ke kota Kaifeng, dan mengurungkannya di suatu ruang bawah tanah yang tertutup. Ketika dia demam tinggi, mereka bukan hanya tidak memberikan ubat kepadanya, malahan tidak mengizinkan petugas kesihatan untuk memeriksanya. Ketika Liu Shaoqi meninggal, dia sudah tidak mempunyai bentuk manusia, dan rambut putih yang kusut sudah sepanjang dua kaki. Dua hari kemudian, di tengah malam mayatnya dibakar mengikut prosedur wabak penyakit. Tempat tidurnya, bantal dan semua barang peninggalannya juga dibakar. Surat kematian Liu bertulis: Nama: Liu Weihuang, Pekerjaan: menganggur, Sebab kematian: mati berpenyakit.

PKC boleh menyeksa presiden negerinya sampai mati seperti ini tanpa memberikan alasan yang jelas.

#### **IV. Mengeksport Revolusi, Membunuh Orang di Luar Negeri**

Selain seronok membunuh orang dengan menggunakan bermacam-macam cara dalam negara China, PKC juga mengeksport revolusinya, dan turut menyertai dalam pembunuhan orang Cina di perantauan. Khmer Rough adalah suatu contoh yang paling tipikal.

Khmer Rough di bawah pimpinan Pol Pot berkuasa di Kemboja hanya bertahan selama empat tahun. Namun begitu, sejak dari tahun 1975 sampai ke tahun 1978, lebih daripada dua juta orang, termasuk lebih daripada 200,000 orang Cina, terbunuh di negara kecil tersebut yang hanya mempunyai populasi sebanyak lapan juta orang.

Kejahatan Khmer Rough tidak terhitung banyaknya, tetapi kita tidak membicarakannya di sini, walau bagaimanapun kita tidak boleh tidak membicarakan hubungannya dengan PKC.

Pol Pot sangat memuja kepada Mao Zedong. Mulai dari tahun 1965, Pol Pot pernah mengunjungi China empat kali untuk mendengarkan ajaran Mao Zedong secara peribadi. Pada awal bulan November 1965, Pol Pot menetap selama tiga bulan di China. Chen Boda dan Zhang Chunqiao dan lain-lain berbincang dengannya tentang teori-teori dan pengalaman seperti “kekuasaan politik tumbuh di hujung laras senapang,” “pertarungan kelas”, “kediktatoran proletariat,” dan lain-lain. Semua ini telah menjadi dasar bagaimana dia merampas kuasa dan memerintah Kemboja pada hari kemudiannya. Sekembalinya ke Kemboja, Pol Pot menukarkan nama partinya kepada Parti Komunis Kemboja dan membangun pangkalan revolusinya berdasarkan model PKC yang mengepung kota daripada pedesaan.

Pada 1968, Parti Komunis Kemboja secara rasminya membentuk angkatan bersenjata, dan sehingga akhir 1969 telah memiliki lebih daripada 3,000 orang. Tetapi pada 1975, sebelum menyerang dan menguasai kota Phnom Penh, angkatan tersebut telah berkembang menjadi pasukan bertempur yang bersenjata lengkap dan berani seramai 80,000 orang perajurit. Semua ini adalah atas bantuan daripada PKC. Buku berjudul “Dokumentari bagi Penyokongan terhadap Vietnam dan Berperang dengan Amerika” yang merupakan karangan Wang Xiangen [24] menyebutkan bahawa hanya pada tahun 1970 sahaja, China memberikan Pol Pot bantuan kelengkapan senjata untuk 30,000 perajurit. Pada April 1975, Pol Pot telah menguasai ibu kota Kemboja, dan dua bulan kemudian, dia pergi ke Beijing untuk berjumpa dengan PKC dan mendengarkan arahan. Pembunuhan yang dilakukan Khmer Rough, dengan jelasnya tidak akan mungkin berhasil jika tidak disokong oleh teori dan material PKC.

Sebagai contoh, setelah dua orang anak Raja Sihanouk mati dibunuh oleh Parti Komunis Kemboja, hanya sepatah kata daripada Zhou Enlai dapat membuat mereka terus mematuhi perintah dan menghantar Sihanouk ke Beijing. Perlu diketahui bahawa ketika Parti Komunis Kemboja membunuh orang, mereka bahkan membunuh janin mangsanya untuk mencegah apa-apa masalah di kemudian hari. Tetapi atas permintaan Zhou Enlai, Pol Pot mematuhinya tanpa sebarang protes.

Zhou Enlai dapat menyelamatkan Sihanouk dengan hanya sepatah kata, tetapi apabila lebih daripada 200,000 orang Cina di Kemboja mati dibunuh oleh Parti Komunis Kamboja, PKC malahan tidak mengeluarkan apa-apa bantahan pun,. Pada waktu itu, orang Cina Kemboja datang merayu kepada kedutaan China untuk meminta pertolongan, tetapi kedutaan tidak mempedulikan mereka.

Pada Mei 1998, ketika berlakunya pembunuhan dan pemerkosaan dalam skala besar terhadap etnik Cina di Indonesia, PKC bahkan tidak mengeluarkan sepatah kata pun. PKC bukan sahaja tidak menawarkan bantuan, bahkan menyekat maklumat berita itu dalam negeri, seperti kerajaan China langsung tidak prihatin terhadap nasib orang Cina di perantauan, bahkan juga langsung tidak menawarkan sebarang bantuan kemanusiaan.

## **V. Kemusnahan Keluarga**

Kita tidak mungkin dapat menghitung berapa banyakkah orang yang telah dibunuh dalam kempen politik PKC. Juga tidak mungkin melakukan penyelidikan statistik di kalangan rakyat kerana maklumat yang kurang dan halangan yang disebabkan oleh perbezaan daerah, kelompok etnik, dan bahasa. Dan pemerintahan PKC tidak akan mungkin mahu melakukan penyelidikan statistik semacam ini yang sama ertinya dengan menggali kuburnya sendiri. PKC lebih suka mengabaikan maklumat yang terperinci dalam menulis sejarahnya sendiri.

Jumlah keluarga yang dihancurkan oleh PKC bahkan lebih sukar lagi diketahui. Dalam sesetengah kes, seorang mati, dikatakan keluarga sudah berpecah-belah. Dalam kes lain, seluruh keluarga mati. Dan walaupun tidak ada orang yang mati, banyak yang dipaksa untuk bercerai. Ayah dan anak, ibu dan anak dipaksa untuk saling tidak mengakui hubungan antara satu sama lain. Ada yang menjadi cacat, ada yang menjadi gila, dan ada yang mati muda, disiksa dan mengakibatkan sakit yang serius. Catatan statistik tragedi bagi keluarga yang berkenaan adalah amat tidak lengkap.

Berita Yomiuri yang berpusat di Jepun pernah melaporkan bahawa lebih daripada setengah populasi orang China pernah disiksa oleh PKC. Jika demikian, jumlah keluarga yang dimusnahkan oleh PKC dianggarkan mencapai lebih daripada 100 juta.

Zhang Zhixin [25] dikenali umum kerana terdapat banyak laporan berita tentang kisahnya. Banyak orang yang mengetahui bahawa dia menderita kerana disiksa secara fizikal dan mental serta diperkosa beramai-ramai. Akhirnya dia menjadi tidak siuman dan ditembak mati setelah lehernya dikerat. Namun banyak orang mungkin tidak mengetahui terdapat kisah kejam lain di sebalik tragedi ini - bahkan ahli keluarganya diwajibkan untuk menghadiri “kelas pembelajaran bagi ahli-ahli keluarga penjenayah yang dihukum mati.”

Lin Lin, anak perempuan Zhang Zhixin mengingat kembali waktu pada awal musim bunga tahun 1975 sebagai berikut: “Seseorang daripada Mahkamah Pengadilan Shenyang berbicara dengan suara keras, “Tbu kamu benar-benar seorang kontra revolusi yang degil. Dia menolak untuk menerima reformasi, dan benar-benar keras kepala dan sukar diubah. Dia menentang pemimpin agung kami Pengerusi Mao, menentang pemikiran hebat Mao Zedong, dan menentang petunjuk revolusi kaum proletariat Pengerusi Mao. Dengan begitu banyak jenayah, kerajaan kami mempertimbangkan untuk memberatkan hukuman. Jika ini dilaksanakan, apakah sikap kamu?”.....Saya tercengang, dan tidak tahu bagaimana harus menjawab. Hati saya hancur. Tapi saya berpura-pura tenang, dan berusaha sekeras-kerasnya bagi menahan jatuhnya air mata. Ayah saya telah memberitahukan saya bahawa kami tidak boleh menangis di depan orang lain, kalau tidak, akan diumumkan pendirian kami adalah serupa dengan ibu. Ayah menjawabnya bagi saya, “Kalau memang demikian, kerajaan boleh melakukan apa-apa sahaja yang dianggap perlu.” Orang daripada mahkamah pengadilan itu kembali bertanya, “Adakah kamu akan mengambil jenazahnya jika dilaksanakan hukuman mati? Adakah kamu mahu akan barang-barang peribadinya di penjara?” Saya menundukkan kepala dan tidak berkata apa-apa pun. Ayah menjawab lagi bagi saya, “Kami tidak mahukan apa-apa pun.”..... Ayah memegang tangan saya dan adik saya berjalan keluar daripada tempat penginapan daerah. Terhuyung-huyung, kami berjalan pulang menentang ribut salji yang lebat. Kami tidak memasak; ayah membahagikan kepada dua satu-satunya roti jagung kasar yang hanya kami ada dan memberikannya kepada saya dan adik saya. Ayah berkata, “Habiskannya dan tidurlah lebih awal.” Saya berbaring diam-diam di atas ranjang tanah liat. Ayah duduk bersendirian di bangku dan menatap lampu dengan bingung. Kemudian, dia melihat ke ranjang dan berfikir bahawa saya dan adik sudah tertidur. Ayah perlahan-lahan berdiri, dengan hati-hati membuka peti yang kami bawa daripada rumah lama kami di Shenyang, dan mengeluarkan gambar ibu. Ayah menatap gambar itu dan air matanya mengalir tidak tertahan. Saya bangun daripada ranjang, meletakkan kepala saya di dalam pelukan ayah dan mulai menangis dengan lantang. Ayah membelai saya dan berkata, “Jangan macam itu, kita tidak boleh membiarkan jiran mendengarkannya.” Adik saya terkejut daripada tidur setelah mendengar tangisan

saya. Ayah memeluk saya dan adik saya dengan ketat. Malam ini kami tidak tahu berapa banyak air mata yang telah mengalir keluar, tetapi tidak dapat menangis dengan bebas.” [26]

Seorang pensyarah di sebuah universiti mempunyai keluarga yang bahagia, tetapi keluarganya mengalami bencana ketika proses pemulihan reputasi terhadap golongan sayap kanan. Ketika gerakan anti sayap kanan, isterinya bercinta dengan seorang yang dilabelkan sebagai sayap kanan. Kekasihnya itu kemudian dibuang ke tempat pedalaman yang jauh dan mengalami penderitaan yang teramat. Gadis muda itu tidak dapat bersama dengan kekasihnya, akhirnya dia berkahwin dengan pensyarah tersebut. Ketika pada akhirnya kekasihnya pulang kembali ke kampung halaman, wanita itu yang kini merupakan ibu kepada beberapa orang anak, sudah tidak mempunyai jalan lain untuk menebus pengkhianatannya pada masa lalu, dan berkeras untuk bercerai dengan suaminya untuk menebus perasaan bersalahnya itu. Pada ketika itu, pensyarah tersebut sudah berumur 50 tahun lebih; dia tidak dapat menerima perubahan yang tiba-tiba dan mendadak lalu mengalami sakit jiwa. Dia membuka semua pakaiannya dan lari entah ke mana untuk mencari tempat bagi memulakan kehidupan barunya. Akhirnya, isterinya telah meninggalkannya dan anak-anak mereka. Perpisahan menyakitkan yang dipicu oleh PKC ini ialah masalah yang tidak dapat diselesaikan, dan merupakan penyakit sosial yang tidak dapat disembuhkan, yang hanya dapat menggantikan suatu perpisahan dengan perpisahan yang lain.

Keluarga ialah unit asas dalam struktur masyarakat China, dan juga merupakan benteng pertahanan terakhir kebudayaan tradisional terhadap kebudayaan parti. Maka penghancuran keluarga merupakan perkara yang paling kejam dalam sejarah pembunuhan PKC.

Berikutan PKC telah menguasai semua sumber dalam sosial, maka ketika seseorang diklasifikasikan sebagai pihak yang bertentangan dengan pemerintahan diktator, dia segera akan mengalami krisis dalam soal kehidupan, dituduh oleh semua orang dalam masyarakat dan dilucutkan martabatnya. Dan mereka itu adalah difitnah semata-mata, maka keluarga telah menjadi satu-satunya tempat perlindungan untuk mendapatkan ketenangan. Tetapi dasar PKC yang turut membabitkan ahli keluarga, menghalang ahli-ahli keluarga untuk saling menenangkan hati; jika tidak, ahli keluarga juga akan menjadi mangsa kediktatoran. Zhang Zhixin, sebagai contohnya, dipaksa untuk bercerai. Kepada banyak orang, pengkhianatan, pembongkaran, perkelahian, pencelaan di khalayak umum, dan pertarungan oleh ahli keluarga, merupakan pukulan yang terakhir yang menghancurkan semangat mereka, banyak orang yang membunuh diri akibat ini.

## **VI. Cara-cara Membunuh dan Akibatnya**

### **(I) Ideologi Membunuh PKC**

PKC selalu mengagung-agungkan dirinya telah mengembangkan Marxisme-Leninisme secara kreatif dan penuh dengan bakat. Namun pada hakikatnya PKC secara kreatifnya telah mengembangkan sifat keiblisian yang belum pernah ada dalam sepanjang sejarah di seluruh dunia. PKC menggunakan kesamaan sosial dalam ideologi komunisme untuk menipu masyarakat umum dan golongan intelektual, menggunakan kepincangan dalam sains dan teknologi untuk menghancurbinasakan kepercayaan dan mempromosikan atheisme, menggunakan komunisme untuk menyangkal sistem pemilikan peribadi, menggunakan teori Revolusi Kekerasan Lenin untuk mempraktikkan pemerintahan secara kekerasan, dan pada masa yang sama, beradun dan memburukkan lagi bahagian yang paling teruk dalam penyimpangan terhadap kebudayaan tradisional Cina.

PKC telah mencipta seperangkat teori dan kerangka “revolusi” dan “terus revolusi” di bawah kediktatoran proletariat. PKC menggunakan sistem ini untuk mengubah masyarakat dan memastikan kediktatoran parti. Teorinya terdiri daripada dua bahagian, iaitu dasar ekonomi dan struktur raksasa di

bawah kediktatoran proletariat. Dasar ekonomi antaranya menentukan struktur raksasa sementara struktur raksasa bertindak ke atas dasar ekonomi. Untuk memperkukuh struktur raksasa, terutamanya kekuasaan partian, harus bermula dengan revolusi terhadap dasar ekonomi. Ini termasuklah :

- (1) Membunuh tuan tanah untuk menyelesaikan masalah hubungan pengeluaran [27] di pedesaan;
- (2) Membunuh kaum kapitalis untuk menyelesaikan masalah hubungan pengeluaran di bandar.

Pada lapisan atas struktur raksasa tersebut, pembunuhan juga dilaksanakan secara berulang kali. Tujuannya adalah untuk melindungi kuasa totalitarian mutlak parti dalam aspek ideologi. Antaranya termasuklah:

### (1) Menyelesaikan persoalan sikap politik golongan intelektual terhadap parti

Dalam tempoh yang panjang, PKC banyak kali melancarkan kempen untuk mereformasikan fikiran golongan intelektual. PKC mengkritik intelektual yang materialisme borjuis, ideologi borjuis, pandangan yang anti-politik, ideologi tanpa kelas, liberalisme, dan sebagainya. PKC mencuci otak intelektual, melenyapkan hati nurani mereka, dan membuat budi pekerti mereka tersapu bersih. Sehingga mereka tidak lagi memiliki pemikiran yang bebas dan berdikari, serta perilaku terpuji. Ini termasuklah tradisi untuk mempertahankan kebenaran dan keadilan, bahkan rela berkorban demi keadilan. Hilangnya nurani mereka terhadap nilai-nilai budi luhur. Tradisi mengajarkan seperti “miskin papa namun iman tidak tergoyah, kaya namun tidak menurutkan hawa nafsu, dan tidak tunduk kepada kuasa kuat.” [28], “Seseorang harus pertamanya mengkhawatiri negaranya dan akhir sekali baru kebijakannya sendiri.” [29], “Seluruh warga dalam negeri bertanggungjawab terhadap pembangunan atau kejatuhan dalam negaranya.” [30], “Kaum budiman jika berada mestilah menyempurnakan seluruh negaranya, dan jikalau miskin pun tetap menyempurnakan dirinya sendiri.” [31].

### (2) Melancarkan Revolusi Kebudayaan dan membunuh demi mendapatkan kekuasaan totalitarian mutlak dalam aspek kebudayaan dan politik

PKC terlebih dahulu menggerakkan kempen dalam massa umum daripada dalam parti sehingga di luar parti, mula melakukan pembunuhan dalam bidang kesusasteraan, kesenian, teater, sejarah, pendidikan dan lain-lain. PKC mula membunuh beberapa orang yang terkenal seperti “Perkampungan Tiga Keluarga” [32], Liu Shaoqi, Wu Han, Lao She dan Jian Bozan, lalu berkembang kepada “sekelompok kecil dalam parti”, “sekelompok kecil dalam ketenteraan”, sehinggalah ke peringkat seluruh rakyat, seluruh tentera dan seluruh anggota parti pun saling membunuh. Pertarungan fizikal melenyapkan raga, pertempuran kebudayaan melenyapkan jiwa. Waktu itu merupakan masa yang paling kacau-bilau dan paling kejam di bawah kawalan PKC, sisi jahat dalam sifat manusiawi telah diperbesar sampai batas semaksimal yang mungkin yang diperlukan PKC untuk menambahkan daya tenaga dalam menghadapi krisis. Setiap orang pun boleh membunuh secara sembarangan atas nama “revolusi” dan “demi mempertahankan garisan revolusi Pengerusi Mao”. Ini adalah merupakan latihan bersama bagi rakyat jelata untuk melenyapkan sifat manusiawi yang tidak pernah terjadi dalam sejarah peradaban manusia.

### (3) Demi menyelesaikan tuntutan demokrasi oleh masyarakat selepas Revolusi Kebudayaan, PKC menembak mahasiswa sewaktu 4 Jun 1989

Ini adalah merupakan kali pertama pasukan tentera membunuh rakyat jelata secara terang-terang, untuk menyekat tuntutan rakyat terhadap anti-rasuah, anti pakatan sulit dan anti kekejaman, serta tuntutan terhadap hak-hak kebebasan akhbar, kebebasan bersuara dan kebebasan berhimpun. Demi menghasilkan kesan pihak tentera membenci rakyat jelata, PKC mengarahkan adegan rakyat

membakar kenderaan tentera dan adegan tentera dibunuh oleh rakyat, seterusnya mengakibatkan tragedi pihak tentera menyembelih rakyatnya sendiri.

#### (4) Membunuh orang daripada aliran kepercayaan yang berbeza

Bidang kepercayaan merupakan titik maut bagi PKC. Demi teori sesat PKC dapat menipu buat seketika, PKC pada awal masa merampas kekuasaan telah mulai membasmi segala bentuk organisasi kepercayaan dan agama. Dan sehingga masa kini, ketika menghadapi kepercayaan kerohanian baru-massa Falun Gong, PKC sekali lagi mengangkat pisau penyembelihnya. Taktiknya adalah dengan mengambil kesempatan terhadap prinsip-prinsip Falun Gong “Sejati, Baik, Sabar” dan hakikat pengamal Falun Gong yang tidak berbohong, tidak menimbulkan kekacauan dan tidak menjejaskan kestabilan masyarakat. Pengalaman penyeksaan terhadap pengamal-pengamal Falun Gong ini juga akan digunakan untuk melenyapkan penganut bagi aliran kepercayaan yang lain. Kali ini kepala PKC Jiang Zemin sendiri tampil beraksi di hadapan pentas untuk membunuh orang.

#### (5) Membunuh demi menyelubungi kebenaran

Hak rakyat untuk mengetahui kebenaran juga merupakan satu lagi titik lemah PKC. PKC akan membunuh demi menutupi berita. Dahulu, “mendengar siaran radio musuh” pun tergolong sebagai jenayah berat dan boleh dihukum penjara. Kini ketika menghadapi pelbagai pemintasan dalam sistem siaran saluran television untuk menjelaskan perkara sebenar perihal penganiayaan terhadap Falun Gong, Jiang Zemin mengeluarkan perintah “bunuh tanpa belas kasihan”. Liu Chengjun yang melakukan pemintasan siaran televisyen sebegini, diseksa dengan kejam sehingga mati. PKC menggunakan “Pejabat 610” (yang menyerupai Gestapo dalam Nazi Jerman, untuk menindas Falun Gong), sistem kepolisan, sistem pengadilan, pendakwaraya, undang-undang dan juga sistem kepolisan internet yang besar, untuk mengawasi semua gerak-geri rakyat.

#### (6) Merampas hak hidup rakyat jelata demi kepentingan peribadi

Teori PKC untuk melakukan revolusi secara berterusan, sebenarnya adalah merupakan persoalan tidak akan rela untuk melepaskan kekuasaan. Dewasa ini, gejala rasuah dan kebejatan PKC, telah berkembang menjadi suatu titik konflik antara kekuasaan mutlak parti dengan hak hidup rakyat jelata. Pada saat rakyat bangun dan mempertahankan hak hidupnya dalam lingkungan undang-undang, maka kelihatan lagi PKC kembali menggunakan kekerasan, tanpa hentinya mengayunkan pisau penyembelihnya kepada “pemimpin utama” dalam gerakan-gerakan tersebut. Untuk itu PKC telah menyediakan tentera bersenjata sebanyak jutaan orang, dan jika dibandingkan dengan 4 Jun 1989 di Tiananmen yang menggerakkan tentera secara mendadak, PKC pada masa kini lebih bersiap sedia untuk membunuh. Apabila rakyat dipaksa sampai ke jalan buntu, sesungguhnya PKC juga memaksa sendirinya ke jalan buntu, kerana kekuasaan politiknya kini telah sampai ke peringkat yang hampir runtuh, seperti pepatah Cina “setiap pergerakan batang lalang pun dicurigai sebagai musuh”.

Menyimpulkan ulasan-ulasan di atas, kita dapat melihat bahawa, PKC daripada sifat akarnya adalah merupakan suatu roh jahat. Demi mempertahankan kekuasaan kawalan yang mutlak, tidak peduli bagaimana PKC berubah dalam apa-apa masa dan tempat, yang pasti, PKC tidak akan mengubah sejarah pembunuhannya. PKC dahulu membunuh, sekarang juga membunuh, pada masa yang akan datang pun PKC juga masih mahu membunuh.

## **(II) Keadaan Yang Berbeza Menggunakan Cara Membunuh Yang Berbeza**

### (1) Memulakan dengan propaganda

PKC membunuh orang dengan bermacam-macam cara, pada zaman yang lain mempunyai model yang lain. Dalam kebanyakan keadaan, PKC melakukan propaganda sebelum membunuh. PKC sering berkata “jika tidak membunuh maka tidak akan dapat meredakan keradangan masyarakat”, sepertinya PKC membunuh atas permintaan rakyat. Padahalnya, sentimen “keradangan masyarakat” tersebut ialah hasil hasutan PKC.

Contohnya drama “Gadis Berambut Putih” [33], yang telah menyimpang total daripada cerita rakyat, dan kisah “Liu Wencai” tentang rumah-rumah sewaan dan penjara air itu ialah rekaan semata-mata, tujuannya adalah untuk “mendidik” rakyat untuk membenci tuan tanah. Cara-cara mengiblisikan musuh sangat sering digunakan, bahkan presiden negara pun diibliskan, seperti Liu Shaoqi. Kepada Falun Gong malahan mereka-reka adegan “insiden membakar diri di Lapangan Tiananmen”, bermaksud untuk menghasut orang ramai untuk membenci Falun Gong, dan seterusnya melaksanakan kempen pembunuhan beramai-ramai terhadap pengamal Falun Gong. Cara PKC membunuh seperti itu, bukan sahaja tidak pernah berubah, bahkan seiringan dengan kecanggihan teknologi telekomunikasi, PKC menjadi semakin hebat, dahulunya hanya menipu rakyat China sendiri, sekarang masyarakat dunia pun ditipunya sekali.

## (2) Menggerakkan massa untuk membunuh orang

PKC bukan sahaja membunuh dengan jentera kediktatorannya, tetapi juga menggerakkan massa untuk membunuh. Jika dikatakan pada masa permulaannya masih terdapat sedikit peraturan, maka ketika massa telah membunuh dengan bersemangatnya sudah tidak boleh disekat lagi. Misalnya sewaktu melaksanakan Reformasi Tanah, seorang anggota Jawatankuasa Reformasi Tanah pun boleh menentukan hidup matinya seorang tuan tanah.

## (3) Membunuh jiwa seseorang dahulu sebelum membunuh raganya

Cara pembunuhan yang lain adalah membunuh jiwa seseorang dahulu sebelum membunuh raganya. Maharaja Qin Shihuang yang paling kejam dalam sejarah pun tidak pernah melenyapkan aspek kerohanian orang, manakala PKC tidak pernah memberi kesempatan kepada orang untuk mati dengan cara yang terhormat. PKC mengumumkan polisi “Memberi pengampunan terhadap yang mengakui salah, menghukum berat terhadap yang menentang”, dan “Tunduk kepala dan mengakui salah merupakan satu-satunya jalan keluar”. Pokoknya mesti sampai tahap seseorang melepaskan fikiran dan kepercayaannya sendiri, mati seperti anjing yang tidak mempunyai maruah. Sebabnya, kalau mati dengan penuh hormat akan membangkitkan semangat kepada yang lain. Hanya dengan membuat seseorang mati dengan cara yang terhina sekali, baru dapat mencapai matlamat PKC untuk “mendidik” rakyatnya. Pada waktu kini PKC dengan begitu kejam sekali menyiksa pengamal Falun Gong, kerana pengamal-pengamal tersebut melihat kepercayaan lebih berat berbanding dengan nyawa mereka sendiri, apabila tidak mampu untuk memusnahkan maruah dan kehormatan mereka, PKC cuba sedaya upaya untuk menyiksa tubuh raga mereka.

## (4) Membunuh dengan persekutuan dan pengasingan

Dalam proses membunuh, PKC sering menggunakan kedua-dua “lobak dan tongkat” sekaligus (carrot and stick), bersekutu dengan sebahagian, dan mengasingkan sebahagian yang lain. PKC selalunya berkata “menyerang sekelompok kecil”, ataupun mengikuti kadar 5 peratus, “majoriti” adalah baik, dan senantiasa dijadikan objek untuk “dididik”. Cara mendidiknya adalah dengan “keganasan” dan “prihatin”. Pendidikan melalui “keganasan” adalah dengan membiarkan rakyat melihat jika menentang PKC tidak akan mempunyai kesudahan baik, membuat mereka menjauhkan diri daripada orang yang ditindas PKC. Pendidikan dengan “prihatin” adalah dengan membiarkan rakyat melihat bahawa sekiranya mereka tunduk kepada parti dan mendapat kepercayaan parti, maka bukan sahaja selamat, malahan akan dipromosikan atau mendapatkan kepentingan-kepentingan

berdosa yang lain. Lin Biao [34] berkata “hari ini sedikit (ditindas), esok sedikit lagi, jika ditambah sekali akan menjadi bahagian besar.” Sering orang yang girang kerana terselamat daripada gerakan yang satunya, akan menjadi mangsa dalam gerakan yang akan datang.

(5) Cara membunuh “membasmi semasa dalam keadaan bertunas lagi” dan “pembunuhan yang terselubung di luar batasan undang-undang”

Kini, PKC masih mengembangkan cara membunuh “membasmi semasa dalam keadaan bertunas lagi” dan “pembunuhan terselubung di luar batasan undang-undang”. Sebagai contohnya protes golongan buruh dan petani semakin hari semakin banyak. PKC dengan prinsip “membasmi selagi masih dalam keadaan bertunas lagi”, menangkap “pemimpin-pemimpin” tersebut, dan menjatuhkan hukuman berat. Contoh lain, dalam era yang hak asasi manusia telah menjadi suatu persefahaman dan aliran biasa di dunia, PKC tidak menghukum mati ke atas pengamal Falun Gong, tetapi di bawah dorongan dan perintah Jiang Zemin “tiada orang yang akan bertanggungjawab bagi pembunuhan pengamal Falun Gong”. Lazim sekali pengamal Falun Gong telah diseksa sehingga mati dengan tragik di seluruh negeri. Meskipun Perlembagaan China mengizinkan hak untuk membuat aduan jika mengalami ketidakadilan, namun PKC menyuruh polis berpakaian biasa, malahan mengupah gengster dan penjenayah jalanan, untuk menangkap, menahan dan menghantar pulang rakyat yang ingin membuat aduan, bahkan memasukkan mereka ke dalam kem buruh paksa.

(6) Membunuh seseorang untuk memberi amaran kepada yang lain

Misalnya membunuh Zhang Zhixin, Yu Luo, Lin Zhao [35] dan lain-lain.

(7) Menggunakan imej “tidak membunuh” untuk menutupi “membunuh”

Orang yang mempunyai reputasi dalam peringkat antarabangsa hanya ditindas tetapi tidak dibunuh PKC, tujuannya adalah untuk membunuh orang-orang yang kecil pengaruhnya dan tidak mendapat perhatian umum. Contohnya pada ketika penindasan terhadap reaksionis, jeneral-jeneral tinggi KMT seperti Long Yun, Fu Zuoyi, Du Yiming dan yang lain tidak dibunuh PKC, yang dibunuh hanyalah pegawai peringkat menengah ke bawah dan perajurit KMT.

Membunuh orang dalam masa jangka panjang telah mengherotkan jiwa orang China, kini banyak orang China mempunyai kecenderungan untuk membunuh. Sewaktu berlakunya peristiwa 9 September yang menggemparkan dunia, sejumlah besar mesej dalam internet di China malahan bersorak-sorai. Seruan “peperangan total” terdengar di mana-mana sahaja, membuat orang gentar ketakutan.

## **Kesimpulan**

Disebabkan penyekatan berita oleh PKC, kita tidak dapat mengetahui secara tepat, berapa ramai orangkah yang ditindas sehingga mati selama PKC berkuasa. Hanya dengan gerakan-gerakan yang disebutkan di atas sahaja dianggarkan sudah mengorbankan nyawa sekurang-kurangnya 60 juta orang. Di samping itu, pembunuhan beramai-ramai terhadap etnik minoriti di Xinjiang, Tibet, Mongolia Dalam, Yunnan, dan tempat-tempat lain, maklumat-maklumat bersejarah tersebut lagi sukar untuk didapati. The Washington Post pernah menganggarkan jumlah orang yang ditindas sehingga mati oleh PKC mencecah 80 juta [36].

Melainkan menyeksa sehingga mati, terdapat berapa ramai lagi orang yang diseksa sehingga cacat, berapa orang mengalami sakit mental, berapa orang yang berasa kesal, ketakutan, murung dan menderita sehingga mati, kita tidak akan pernah mengetahuinya. Perlu diketahui bahawa, kematian

seseorang sahaja, sudah tentu merupakan tragedi penderitaan buat selama-lamanya bagi ahli-ahli keluarganya.

Media yang berpangkalan di Jepun, Berita Yomiuri [37] pernah melaporkan, kerajaan pusat China mengarahkan untuk mengadakan penyelidikan statistik terhadap 29 kota dan daerah, keputusan menunjukkan di sepanjang Revolusi Kebudayaan sebanyak 600 juta orang telah ditindas atau dibabitkan sekali, iaitu jumlah separuh daripada populasi di China.

Stalin pernah berkata, kalau mati seorang itu ialah tragedi, tetapi jika mati satu juta orang, itu hanya merupakan suatu statistik. Li Jingquan ketika mendengar orang memberitahunya bahawa di daerah Sichuan terdapat berapa banyak orang yang sudah mati kelaparan, dengan tenangnya dia membalas, “Pemerintahan dinasti manakah yang tiada orang mati?” Mao Zedong berkata: “Jika mahu berjuang mesti ada pengorbanan, perihal ada orang yang mati itu ialah hal yang lumrah.” Ini ialah sikap atheis PKC terhadap nyawa dan kehidupan, oleh itu Stalin membunuh 20 juta orang, iaitu 1/10 daripada jumlah populasi Rusia pada ketika itu; PKC membunuh 80 juta orang, juga lebih kurang 1/10 daripada populasi keseluruhannya, Khmer Rouge membunuh 2 juta orang, 1/4 daripada jumlah penduduknya; dan sekarang penduduk Korea Utara yang mati kelaparan dianggarkan telah melebihi 1 juta orang. Semua ini ialah hutang darah parti komunis.

Agama sesat menggunakan darah manusia yang dibunuhnya untuk memuja roh jahatnya, parti komunis sejak kemunculannya tidak henti-hentinya membunuh, bahkan jika tak dapat membunuh orang luar maka orang sendiri pun dijadikan sebagai korban untuk memuja doktrin sesatnya yang disebut-sebutkan sebagai “pertarungan kelas” dan “pertarungan ideologi”, sehinggakan meletakkan setiausaha agung, marsyal, jeneral, menteri sendiri dan lain-lain di atas altar agama sesatnya untuk disembah.

Ramai orang yang beranggapan bahawa patut memberikan masa kepada PKC untuk menjadi baik, juga berkata bahawa PKC sekarang membunuh dengan terhad dan terkawal. Pertama, membunuh satu orang tetap juga pembunuh, malahan, daripada sudut pandang yang lebih luas, disebabkan membunuh, bagi PKC adalah merupakan salah satu cara untuk mencapai tujuan pemerintahan rejim berdasarkan keganasan, maka membunuh banyak atau sedikit itu adalah ditentukan berdasarkan keperluan. Pembunuhan PKC, umumnya tidak dapat diramalkan. Ketika orang ramai tidak merasakan ketakutan, membunuh dalam jumlah yang banyak dapat meningkatkan tahap ketakutan. Apabila orang sudah dalam ketakutan, membunuh dalam jumlah yang sedikit dapat mengekalkan suasana ketakutan. Ketika orang takut kepada PKC dengan sendirinya, PKC hanya melaung-laungkan untuk membunuh orang (meskipun tidak membunuh), juga dapat mengekalkan suasana keganasan. Ketika orang ramai sudah terbiasa dengan gerakan pembunuhan politik yang tidak terkira, dan sudah terbentuk tindak balas refleks terhadap keganasan, PKC tidak perlu lagi untuk mengungkit-ungkit soal membunuh, nada kritikan propaganda PKC sudah cukup untuk mengingatkan orang akan kenangan yang amat mengerikan itu.

Sesekali sahaja terdapat perubahan terhadap rasa ketakutan dalam masyarakat, maka PKC akan menyesuaikan kekuatan membunuhnya. Oleh itu, jumlah sama ada banyak atau sedikit itu bukan merupakan tujuannya, yang penting ialah kebiasaan PKC dalam membunuh untuk mempertahankan kekuasaannya. PKC tidak akan menjadi lembut, lebih-lebih lagi tidak pernah meletakkan pisau penyembelihnya, tetapi hanya rakyatnya yang dihambakan. Sesekali rakyat bangkit untuk memperjuangkan sesuatu yang dianggap telah melampaui batas kesabaran PKC, maka PKC tidak akan teragak-agak untuk membunuh.

Juga disebabkan bagi mengekalkan rasa ketakutan, membunuh secara sembarangan adalah merupakan cara yang paling ampuh untuk mencapai tujuan ini. Disebabkan pembunuhan beramai-ramai berkali-kali dalam sejarah, terdapat sasaran, standard ukuran kesalahan dan penetapan hukuman

yang tidak jelas, dan untuk menghindarkan diri daripada kemungkinan dimasukkan ke dalam lingkungan dibunuh, orang ramai biasanya akan berundur ke suatu “kawasan selamat” yang relatif yang digariskan mereka, dan “kawasan selamat” yang digariskan biasanya lebih sempit daripada yang diinginkan PKC. Inilah sebabnya mengapa dalam setiap gerakan setiap orang pun “lebih baik bersikap kiri daripada kanan”. Gerakan setiap kalinya pun “bertambah luas”, kerana pada setiap peringkat dengan sendirinya akan menambahkan hadnya demi menyelamatkan diri. Gerakan semakin ke bawah semakin kejam. Fenomena penambahan had dengan sendirinya dalam seluruh lapisan masyarakat itu adalah berasal daripada sifat pembunuhan sembarangan PKC.

Dalam sejarah pembunuhan yang berterusan, PKC sudah berubah menjadi pembunuh psikologi bersiri. Untuk memenuhi nafsu kegilaannya terhadap kuasa mutlak dan membunuh, untuk menenteramkan hati yang ketakutan sentiasa, untuk membendung perasaan yang tidak puas dan dendam dalam masyarakat, PKC terus dan terus membunuh. Sampai pada hari ini, disebabkan hutang darah PKC terlalu besar, sudah tidak ada jalan keluar lagi, hanya bergantung pada pemerintahan kuku besi untuk mempertahankan riwayatnya sampai ke saat akhir. Meskipun PKC kadang kala menggunakan cara “membunuh lalu melakukan pemulihan reputasi” untuk mengelabui mata orang buat seketika, tetapi sifat hisap darah asalnya tidak pernah berubah, pada masa yang akan datang juga tidak mungkin berubah.

**Nota:**

[1] Surat Mao Zedong kepada isterinya Jiang Qing (1966).

[2] Struktur raksasa dalam isi kandungan teori sosial Marxisme merujuk kepada cara bagi interaksi antara faktor subjektif manusia dengan unsur material dalam masyarakat.

[3] Hu Feng, sarjana dan pengkritik sastera, menentang polisi sastera PKC yang taasub. Dia kemudiannya disingkirkan daripada parti pada 1955 dan dipenjarakan selama 14 tahun.

[4] Analek, Confucius.

[5] Leviticus 19:18.

[6] Manifesto Komunis, Marx (1848).

[7] Mao Zedong, Kediktatoran Demokratik Rakyat (1949).

[8] Mao Zedong, “Kita Mesti Mempromosikan Penindasan Terhadap Reaksionis Secara Menyeluruh Maka Setiap Keluarga Akan Diberitahu” (30 Mac 1951).

[9] Mao Zedong, “Kita mesti secara paksa dan secara tepat menyerang golongan reaksionis” (1951).

[10] Syurga Aman Taiping (1851 - 1864), juga dikenali sebagai Pemberontakan Taiping, merupakan satu daripada konflik paling berdarah dalam sejarah China. Kejadian ini adalah merupakan pertempuran antara kuasa imperial China dengan kumpulan kebudayaan Hakka, Hong Xiuquan yang menggelar dirinya memiliki kuasa mistik, yang juga merupakan pemeluk Kristian. Sekurang-kurangnya 30 juta orang dipercayai terkorban.

[11] Petikan yang diambil daripada buku yang diterbitkan oleh majalah Chenming yang bertapak di Hong Kong ([www.chengmingmag.com](http://www.chengmingmag.com)), isu Oktober, 1996.

[12] Langkah Jauh ke Hadapan (1958 – 1960) merupakan suatu kempen yang dilancarkan PKC untuk merangsang secara mendadak bidang industri China, khususnya dalam industri pengeluaran besi keluli. Kempen ini dilihat umumnya sebagai bencana ekonomi yang utama.

[13] Diterbitkan pada Februari 1994 oleh Red Flag Publishing House. Petikan tersebut adalah diterjemahkan oleh penterjemahnya.

[14] ] Unit pengukuran bagi tanah di China. 1 mu = 0.165 hektar.

[15] Peng Dehuai (1898-1974): jeneral dan pemimpin politik PKC. Peng adalah merupakan ketua komander dalam Perang Korea, timbalan presiden dalam Dewan Negeri, ahli Politburo, dan Menteri Pertahanan dari 1954 hingga 1959. Dia disingkirkan daripada jawatan rasminya selepas tidak bersetuju dengan langkah sayap kiri Mao dalam Persidangan Lushan pada 1959.

[16] De Jaegher, Raymond J., Musuh Dalaman (*Enemy Within*). Guild Books, Catholic Polls, Incorporated(1968).

[17] Pembunuhan beramai-ramai Daxing berlaku pada Ogos 1966 ketika pergantian pemimpin dan peralihan kuasa parti di Beijing. Ketika itu, suatu ceramah dibuat oleh Menteri Keselamatan Umum, Xie Fuzhi, dalam satu pertemuan dengan Biro Keselamatan Umum Beijing, menyeru supaya tidak adanya campur tangan kepada aksi gerakan Pasukan Merah menentang “lima kelas hitam.” Siaran ceramah itu segera mendapat respon dengan suatu pertemuan di Biro Keselamatan Umum Daxing diadakan. Setelah pertemuan, Biro Keselamatan Umum Daxing segera mengambil tindakan dan membentuk suatu rancangan untuk menghasut massa di wilayah Daxing untuk membunuh “lima kelas hitam.”

[18] Zheng Yi, Memori Merah (*Scarlet Memorial*), Taipei: Chinese Television Publishing House, 1993. Buku ini juga boleh didapati dalam versi inggeris: *Scarlet Memorial: Tales of Cannibalism in Modern China*, oleh Yi Zheng, diterjemah dan disuntik oleh T. P. Sym (Boulder, Colorado: Westview Press, 1998.)

[19] “Sosial lama”, seperti yang disebutkan oleh PKC, merujuk kepada waktu sebelum 1949 dan “sosial baru” pula pada waktu selepas 1949 apabila PKC mengambil alih kuasa.

[20] Jaket pengikat ialah sejenis peralatan penyeksaan yang berbentuk jaket. Lengan mangsa diputar dan diikat dengan tali di belakang dan kemudiannya ditolak ke hadapan daripada bahagian kepalanya; penyeksaan sedemikian boleh mencacatkan lengan seseorang dengan serta-merta. Selepas itu, mangsa dipaksa diletakkan di jaket pengikat dan digantung pada bahagian lengannya. Kesan yang paling terus-menerus daripada penyeksaan ini ialah kepatahan tulang pada bahagian bahu, sesiku, pergelangan tangan dan bahagian belakang, menyebabkan mangsa meninggal dalam kesakitan yang teramat. Beberapa praktisi Falun Gong telah meninggal daripada penyeksaan ini. Layari laman berikut untuk maklumat lebih:

Mandarin: <http://search.minghui.org/mh/articles/2004/9/30/85430.html>

Ingeris: <http://www.clearwisdom.net/emh/articles/2004/9/10/52274.html>

[21] Pada 1930, Mao mengarahkan parti untuk membunuh ribuan anggota parti, askar tentera, dan rakyat biasa yang tidak berdosa di daerah Jiangxi dalam satu cubaan untuk mengukuhkan kuasanya dalam kawasan pengawalan PKC. Layari jaringan berikut untuk maklumat lebih:

Mandarin: <http://kanzhongguo.com/news/articles/4/4/27/64064.html>

[22] Gao Gang dan Rao Shushi, kedua-duanya ialah anggota Jawatankuasa Pusat. Setelah gagal dalam perebutan kuasa pada 1954, mereka dituduh berkomplot untuk memecah-belahkan parti dan kemudian diusir daripada parti.

[23] Zhou Enlai (5 Mac 1898 – 8 Januari 1976), orang penting kedua setelah Mao dalam sejarah PKC. Dia ialah tokoh terkemuka PKC dan merupakan Perdana Menteri Republik Rakyat China dari 1949 sampai kematiannya.

[24] ] Wang Xianguan, Dokumentari dalam Penyokongan Vietnam dan Pertempuran dengan Amerika. (Beijing: International Cultural Publishing Company, 1990)

[25] Zhang Zhixin ialah seorang intelektual wanita yang disiksa hingga mati oleh PKC semasa dalam Revolusi Kebudayaan kerana mengkritik kesilapan Mao dalam Langkah Jauh ke Hadapan, dan berani menyuarakan kebenaran. Penjaga penjara banyak kali melucutkan pakaiannya, mengari tangannya di belakang dan membuangnya ke dalam penjara lelaki untuk membiarkannya diperkosa secara bergilir sehingga akhirnya dia berpenyakit jiwa. Penjaga takut dia akan meneriakkan slogan untuk memprotes semasa pelaksanaan hukuman mati ke atasnya, maka mereka memotong kelongkongnya sebelum perlaksanaan.

[26] Daripada Laogai Research Foundation, Oktober 12, laporan 2004 : <http://www.laogai.org/news2/newsdetail.php?id=391> (dalam Mandarin).

[27] Satu daripada tiga peralatan (pengeluaran, cara pengeluaran, dan hubungan dalam pengeluaran) yang digunakan Marx untuk menganalisa kelas sosial. Hubungan pengeluaran merujuk kepada hubungan kait antara orang yang memiliki peralatan pengeluaran dengan mereka yang tidak memilikinya, contohnya, hubungan antara tuan tanah dengan petani, atau hubungan antara kapitalis dengan pekerja.

[28] Daripada Mencius.

[29] Oleh Fan Zhongyan (989-1052), pendidik Cina agung, penulis dan kakitangan kerajaan daripada Dinasti Song Selatan. Petikan ini berasal daripada prosa terkenalnya, “Memanjat Menara Yueyang”.

[30] Oleh Gu Yanwu (1613-1682), seorang sarjana ternama dalam awal Dinasti Qing.

[31] Daripada Mencius.

[32] Perkampungan Tiga Keluarga merupakan nama pena tiga penulis pada 1960-an, Deng Kuo, Wu Han and Liao Moshu. Wu ialah penulis bagi drama “Hai Rui Berhenti daripada Jawatannya”, yang Mao menganggap ini sebagai suatu pengkritikan sastera terhadap hubungannya dengan jeneral Peng Dehuai.

[33] Suatu cerita legenda di kalangan rakyat China, Gadis Berambut Putih ialah cerita seorang gadis yang hidup abadi di dalam gua dan mempunyai kuasa sakti untuk memberikan ganjaran atas perlakuan baik seseorang dan mendenda bagi keburukan, menyokong kemuliaan dan menyekat kejahatan. Namun, dalam drama, opera dan balet “moden” China, gadis tersebut digambarkan sebagai watak yang dipaksa melarikan diri daripada gua selepas ayahnya dipukul sehingga mati kerana tidak mengizinkan tuan tanah untuk berkahwin dengan anaknya. Gadis tersebut telah menjadi berambut putih akibat kekurangan nutrisi. Cerita ini telah menjadi satu daripada drama “moden” China yang terkenal untuk menghasut kebencian kepada kelas tuan tanah.

[34] Lin Biao (1907-1971), salah satu daripada pemimpin senior PKC, berkhidmat di bawah Mao Zedong sebagai ahli dalam Politbiro China, sebagai Timbalan Pengerusi (1958) dan Menteri Pertahanan (1959). Lin dianggap sebagai dalang arkitek Revolusi Kebudayaan. Lin dinamakan sebagai pengganti Mao pada 1966, tetapi tidak mendapat sokongan ramai menjelang 1970. Merasakan kejatuhannya, Lin dituduh terlibat dalam suatu komplot rampasan kuasa, dan cuba melarikan diri ke

USSR ketika terbongkar rancangannya. Ketika dalam pelarian, pesawatnya terhempas di Mongolia, yang menyebabkan kematiannya.

[35] Yu Luo ke ialah seorang ahli pemikir dan pejuang hak asasi manusia yang kemudiannya dibunuh oleh PKC dalam Revolusi Kebudayaan. Eseinya yang selalu diingati “Dalam Latar Belakang Keluarga” yang ditulis pada 18 Januari 1967 merupakan suatu esei yang mendapat pengaliran yang luas dan kesan yang kekal lama daripada kesemua esei yang mempamerkan bukan pemikiran PKC semasa dalam Revolusi Kebudayaan. Lin Zhao, seorang penuntut Universiti Beijing yang mengambil kursus kewartawanan, diklasifikasikan sebagai sayap kanan pada 1957 bagi pemikirannya yang berdikari dan berani menyuarakan kritikan terhadap gerakan komunis. Dia didakwa dengan konspirasi untuk menggulingkan kediktatoran demokaritik rakyat dan ditahan pada 1960. Pada 1962, dia dijatuhkan hukuman 20 penjara. Dia dibunuh oleh PKC pada 29 April 1968 sebagai reaksionis.

[36] Daripada <http://www.laojiao.org/64/article0211.html> (dalam Mandarin).

[37] Daripada “Satu surat terbuka daripada Song Meiling kepada Liao Chengzhi’ (17 Ogos 1982). Sumber: <http://www.blog.edu.cn/more.asp?name=fainter&id=16445> (dalam Mandarin).